



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

LAPORAN KEBANGSAAN SEA-PLM 2019

(SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS 2019)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

LAPORAN KEBANGSAAN SEA-PLM 2019

SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS 2019

Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia ©
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Semua bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik cara sebahagian atau keseluruhan tanpa izin bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019

ISBN: 978-983-9522-55-6

Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019

Disediakan oleh:

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras SB-4, Blok E8,
Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

Tel.: +603-8884 6000

Faks: +603-8884 6579

Laman sesawang: www.moe.gov.my

KANDUNGAN

Senarai Rajah	v
Senarai Jadual	viii
Kata Pengantar Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	x
Kata Pengantar Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan	xi
Dasar Pendidikan	
Penghargaan	xii

BAB 1 **1**

PENGENALAN SEA-PLM	2
1.1 Pengenalan	2
1.2 Kerangka SEA-PLM	2
1.3 Definisi Domain SEA-PLM Berdasarkan Sasaran SDG 4.1	3
1.3.1 Bacaan	3
1.3.2 Penulisan	3
1.3.3 Matematik	3
1.4 Instrumen SEA-PLM	3
1.5 Kajian SEA-PLM di Malaysia	4

BAB 2 **5**

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN BACAAN	6
2.1 Kompetensi Literasi Bacaan di Malaysia	6
2.2 Penjajaran Literasi Bacaan SEA-PLM 2019 dengan SDG	11
2.3 Pencapaian Murid dalam Literasi Bacaan Menurut Jantina dan Lokasi Sekolah	13
2.4 Pencapaian Murid dalam Literasi Bacaan Mengikut Aras Penguasaan	14
2.5 Penyebaran Item Mengikut Kesukaran dan Keupayaan Murid	15

BAB 3 **17**

PENCAPAIAN DALAM LITERASI PENULISAN SEA-PLM 2019	18
3.1 Kecekapan Literasi Penulisan di Malaysia	18
3.2 Penjajaran Literasi SEA-PLM 2019 Dengan SDG	24
3.3 Kesan Bahasa Pentaksiran	24
3.4 Penyebaran Item Mengikut kesukaran dan Keupayaan Murid	24
3.5 Ciri-Ciri Pentaksiran Penulisan SEA-PLM	26
3.6 Pencapaian Murid dalam Literasi Penulisan Menurut Jantina dan Lokasi Sekolah	27
3.7 Literasi Penulisan dan Kemahiran Abad ke-21	27

BAB 4 **29**

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN MATEMATIK	30
4.1 Kompetensi Literasi Matematik di Malaysia	30
4.2 Penjajaran Literasi Matematik dengan SDG	35
4.3 Pencapaian Murid dalam Literasi Matematik Menurut Jantina dan Lokasi Sekolah	36
4.4 Penyebaran Item Mengikut Kesukaran dan Keupayaan Murid	38

BAB 5**39****KEWARGANEGARAAN GLOBAL****40**

5.1	Persepsi Terhadap Pendidikan Kewarganegaraan Global	40
5.1.1	Persepsi Murid dan Guru Terhadap Topik Kewarganegaraan Global yang dipelajari di Sekolah	40
5.1.2	Sikap Murid dan Guru Terhadap Pendidikan Kewarganegaraan Global	43
5.1.3	Sikap Guru Mengenai Kemahiran dan Nilai Kewarganegaraan Global Murid	45
5.1.4	Ringkasan Persepsi Terhadap Pendidikan Kewarganegaraan Global	46
5.2	Persepsi Isu Kewarganegaraan Global	47
5.2.1	Sikap Murid Terhadap Isu Sosial	47
5.2.2	Sikap Murid Terhadap Kelestarian Alam Sekitar	47
5.2.3	Sikap Murid Terhadap Identiti Kebangsaan dan Serantau	49
5.2.4	Ringkasan Persepsi Isu Kewarganegaraan Global	49
5.3	Pelibatan Murid dalam Aktiviti Kewarganegaraan Global	50
5.3.1	Aktiviti Sekolah yang Berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	50
5.3.2	Aktiviti Sekolah pada Masa Hadapan yang Berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	51
5.3.3	Aktiviti Am yang Berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	52
5.3.4	Ringkasan Penglibatan Murid dalam Aktiviti Kewarganegaraan Global	52
5.4	Keupayaan Guru dalam Pendidikan Kewarganegaraan Global	53
5.4.1	Persediaan Pra-Perkhidmatan untuk Pendidikan Kewarganegaraan Global	53
5.4.2	Tahap Keyakinan Guru dalam Pengajaran Topik Kewarganegaraan Global	54
5.4.3	Ringkasan Keupayaan Guru dalam Pendidikan Kewarganegaraan Global	55

BAB 6**57****EKUITI PENDIDIKAN****58**

6.1	Pengenalan	58
6.2	Jantina Murid	58
6.3	Latar Belakang Sosioekonomi dan Pencapaian	59
6.4	Pelibatan Ibu Bapa / Penjaga dalam Persekolahan Murid	60
6.5	Murid Bertutur dalam Bahasa Ujian	61
6.6	Persediaan ke Sekolah	62
6.6.1	Pendidikan Prasekolah	62
6.6.2	Kesediaan ke Sekolah	62
6.6.3	Persepsi Murid Terhadap Iklim Bilik Darjah	65
6.6.4	Persepsi Guru Terhadap Iklim Bilik Darjah	66
6.6.5	Ciri-ciri Guru Besar Sekolah	67

BAB 7**69****IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN UNTUK MALAYSIA****70****BAB 8****73****KAJIAN LANJUTAN SEA-PLM 2019: FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID TAHUN 5****74**

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Bacaan	7
Rajah 2.2	Contoh item Bacaan Band 6 ke atas	9
Rajah 2.3	Contoh item Bacaan Band 4	10
Rajah 2.4	Contoh Item Band 2 dan ke bawah	10
Rajah 2.5	Skor skala literasi Bacaan Malaysia berbanding purata serantau	11
Rajah 2.6	Peratus pencapaian literasi Bacaan Malaysia berbanding SDG 4.1.1	12
Rajah 2.7	Purata Skor skala literasi Bacaan berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah	13
Rajah 2.8	Peta item individu yang menunjukkan keputusan literasi Bacaan di Malaysia	16
Rajah 3.1	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Penulisan	20
Rajah 3.2	Sampel jawapan Band 2	21
Rajah 3.3	Sampel jawapan Band 3	21
Rajah 3.4	Sampel jawapan Band 5 dan ke atas	22
Rajah 3.5	Skor skala literasi Penulisan Malaysia berbanding purata serantau	24
Rajah 3.6	Peta item individu menunjukkan keputusan literasi Penulisan di Malaysia	25
Rajah 3.7	Contoh soalan penulisan naratif	26
Rajah 3.8	Purata skor skala literasi Penulisan berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah	28
Rajah 4.1	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Matematik	32
Rajah 4.2	Contoh item Matematik Band 3	32
Rajah 4.3	Contoh item Matematik Band 5	33
Rajah 4.4	Contoh item Matematik Band 8	33
Rajah 4.5	Skor skala literasi Matematik Malaysia berbanding purata serantau	34
Rajah 4.6	Peratus pencapaian literasi Matematik Malaysia berbanding SDG 4.1.1	36
Rajah 4.7	Purata skor skala literasi Matematik berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah	37
Rajah 4.8	Peta item individu menunjukkan keputusan literasi Matematik di Malaysia	38

NO RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 5.1	Peratus murid bersetuju topik Kewarganegaraan Global diajar di sekolah	41
Rajah 5.2	Peratusan aktiviti Kewarganegaraan Global yang dijalankan di sekolah pada tahun semasa dilaporkan oleh guru	42
Rajah 5.3	Peratus murid yang bersetuju pasti topik penting untuk dipelajari di sekolah	43
Rajah 5.4	Peratus guru berkaitan kepentingan pembelajaran Kewarganegaraan Global di sekolah	44
Rajah 5.5	Peratus guru bersetuju berkaitan kepentingan kemahiran, nilai dan ciri- ciri Kewarganegaraan Global	45
Rajah 5.6	Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan isu sosial	47
Rajah 5.7	Peratus murid yang mengambil berat tentang isu kelestarian alam sekitar	48
Rajah 5.8	Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan identiti	49
Rajah 5.9	Peratus murid yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	50
Rajah 5.10	Peratus murid yang mungkin akan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global pada masa akan datang	51
Rajah 5.11	Peratus pelibatan murid dalam aktiviti umum yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	52
Rajah 5.12	Peratus guru yang bersedia mengajar topik Kewarganegaraan Global	53
Rajah 5.13	Peratus guru yang yakin untuk mengajar topik Kewarganegaraan Global	54
Rajah 6.1	Perbandingan pencapaian mengikut jantina dalam ketiga-tiga domain	58
Rajah 6.2	Peratus pelibatan ibu bapa dalam aktiviti murid	60
Rajah 6.3	Purata pencapaian mengikut bahasa pertuturan di rumah	61
Rajah 6.4	Peratus penyertaan prasekolah	62
Rajah 6.5	Purata pencapaian murid mengikut penyertaan prasekolah	63
Rajah 6.6	Pencapaian murid mengikut keupayaan melakukan perkara asas dalam membaca, menulis dan mengira.	64

NO RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 6.7	Persepsi murid terhadap guru tentang iklim bilik darjah	65
Rajah 6.8	Peratus laporan guru tentang isu yang mempengaruhi murid	66
Rajah 6.9	Peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar	67
Rajah 8.1	Maklumat latar belakang Kajian Lanjutan SEA-PLM 2019: Faktor menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5	82
Rajah 8.2	Pencapaian domain Bacaan berdasarkan latar belakang keluarga	82
Rajah 8.3	Pencapaian domain Bacaan berdasarkan pemilikan komputer	82
Rajah 8.4	Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan penyertaan pada peringkat prasekolah	83
Rajah 8.5	Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan bahasa pertuturan di rumah	83
Rajah 8.6	Sikap murid terhadap sekolah	83
Rajah 8.7	Sikap murid terhadap membaca	83
Rajah 8.8	Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan sikap dan pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran	84
Rajah 8.9	Peratus jumlah buku di rumah	84
Rajah 8.10	Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan kaedah pengajaran dan pembelajaran	84
Rajah 8.11	Penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi guru	85
Rajah 8.12	Penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi murid	85
Rajah 8.13	Cabaran penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi guru	85
Rajah 8.14	Isu kaedah pengajaran dan pembelajaran	86
Rajah 8.15	Jenis latihan yang tidak pernah dihadiri oleh guru mengikut persepsi guru	86
Rajah 8.16	Kaedah PdP yang diyakini oleh guru mengikut persepsi guru	86

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Perincian skala penguasaan untuk literasi Bacaan	6
Jadual 2.2	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Bacaan	8
Jadual 2.3	Purata skor skala Bacaan Malaysia berbanding purata skor serantau	8
Jadual 2.4	Skor skala literasi Bacaan Malaysia berbanding purata serantau	11
Jadual 2.5	Peratus pencapaian literasi Bacaan Malaysia berbanding SDG 4.1.1	12
Jadual 3.1	Perincian skala penguasaan untuk literasi Penulisan	18
Jadual 3.2	Purata skor skala Penulisan Malaysia berbanding purata serantau	20
Jadual 3.3	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Penulisan	20
Jadual 3.4	Skor skala literasi Penulisan Malaysia berbanding purata serantau	23
Jadual 3.5	Panduan sampel pemarkahan untuk struktur ayat dan kerumitan ayat	26
Jadual 4.1	Perincian skala penguasaan untuk literasi Matematik	30
Jadual 4.2	Purata skor skala Matematik Malaysia berbanding purata serantau	31
Jadual 4.3	Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Matematik	32
Jadual 4.4	Skor skala literasi Matematik Malaysia banding purata serantau	34
Jadual 4.5	Peratus pencapaian literasi Matematik Malaysia berbanding SDG 4.1.1	36
Jadual 5.1	Peratus murid bersetuju topik Kewarganegaraan Global diajar di sekolah	41
Jadual 5.2	Peratusan aktiviti Kewarganegaraan Global yang dijalankan di sekolah pada tahun semasa dilaporkan oleh guru	42
Jadual 5.3	Peratus murid yang mengenal pasti topik penting untuk dipelajari di sekolah	43
Jadual 5.4	Peratus guru berkaitan kepentingan pembelajaran Kewarganegaraan Global di sekolah	44
Jadual 5.5	Peratus guru bersetuju berkaitan kepentingan kemahiran, nilai dan ciri-ciri Kewarganegaraan Global	45
Jadual 5.6	Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan isu sosial	47

NO JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 5.7	Peratus murid yang mengambil berat tentang isu kelestarian alam sekitar	48
Jadual 5.8	Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan identiti	49
Jadual 5.9	Peratus murid yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	50
Jadual 5.10	Peratus murid yang mungkin akan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global pada masa akan datang	51
Jadual 5.11	Peratus pelibatan murid dalam aktiviti umum yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global	52
Jadual 5.12	Peratus guru yang bersedia mengajar topik Kewarganegaraan Global	53
Jadual 5.13	Peratus guru yang yakin untuk mengajar topik Kewarganegaraan Global	54
Jadual 6.1	Purata pencapaian murid mengikut jantina	58
Jadual 6.2	Purata pencapaian literasi Bacaan mengikut tahap SDG dan jantina	58
Jadual 6.3	Purata pencapaian literasi Matematik mengikut tahap SDG dan jantina	59
Jadual 6.4	Pencapaian literasi Bacaan mengikut kuartil sosioekonomi	59
Jadual 6.5	Pencapaian literasi Penulisan mengikut kuartil sosioekonomi	60
Jadual 6.6	Pencapaian literasi Matematik mengikut kuartil sosioekonomi	60
Jadual 6.7	Peratusan pelibatan ibu bapa dalam pelbagai aktiviti	61
Jadual 6.8	Peratus murid bertutur bahasa ujian di rumah	61
Jadual 6.9	Purata pencapaian mengikut bahasa pertuturan di rumah	61
Jadual 6.10	Peratusan penyertaan prasekolah	62
Jadual 6.11	Purata pencapaian murid mengikut penyertaan prasekolah	63
Jadual 6.12	Pencapaian murid mengikut keupayaan perkara asas dalam membaca, menulis dan mengira	64
Jadual 6.13	Persepsi murid terhadap guru tentang iklim bilik darjah	65
Jadual 6.14	Peratus laporan guru tentang isu yang mempengaruhi murid	66
Jadual 6.15	Peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar	67

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

The Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) merupakan penyertaan Malaysia julung kalinya dalam kajian penandaarasan yang dianjurkan oleh Sekretariat Southeast Asia Ministers of Education Organization (SEAMEO). Penyertaan Malaysia dalam Kajian SEA-PLM merupakan usaha pertama Malaysia dalam menentukan pentaksiran penandaarasan pendidikan peringkat sekolah rendah yang mengambil kira budaya serantau di peringkat Asia Tenggara. Kajian SEA-PLM secara tidak langsung akan memperlihatkan pencapaian pembelajaran murid Malaysia yang berada di Tahun 5 dalam domain bacaan, penulisan, matematik dan kewarganegaraan global.

SEA-PLM 2019 menyaksikan penyertaan Malaysia bersama-sama 5 buah negara lain di Asia Tenggara iaitu Vietnam, Filipina, Lao PDR, Kemboja dan Myanmar yang menjalani pentaksiran dalam domain penulisan, matematik dan kewarganegaraan global secara bertulis. Tidak dapat dinafikan dalam negara mendepani Revolusi Industri 4.0, keempat-empat domain ini penting kepada pembentukan modal insan yang setara dengan keperluan antarabangsa.

Pencapaian Malaysia dalam SEA-PLM boleh dijadikan sebagai penandaarasan serta pendorong dalam menambah baik dasar dan program dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pencapaian dalam SEA-PLM juga boleh digunakan untuk pelaporan kepada Institut Perangkaan UNESCO (UIS) SDG melalui penjajaran dengan Indikator SDG 4.1.1a dan SDG 4.1.1b bagi domain bacaan dan matematik. Dapatan daripada soal selidik Kewarganegaraan Global juga telah diujarkannya dengan Indikator SDG 4.7.

Penerbitan Buku Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 ini merupakan satu wahana yang berfaedah dalam menyebarkan maklumat dan digunakan dalam menambahbaik pendidikan negara. Pihak berkepentingan di KPM termasuk para guru dan masyarakat perlu berganding bahu dalam meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan murid dalam penulisan, bacaan dan matematik di sekolah.

DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

KATA PENGANTAR

PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN

Puji dan syukur tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana mengizinkan penerbitan Buku Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 direalisasikan seperti yang dirancang. Penerbitan buku laporan ini merupakan inisiatif bagi melaporkan tentang penyertaan dan pencapaian Malaysia dalam pentaksiran tersebut.

The Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) anjuran Sekretariat Southeast Asia Ministers of Education Organization (SEAMEO) merupakan satu kajian penandaarasan khusus bagi murid sekolah rendah Tahun 5. Kajian ini adalah pusingan pertama yang disertai Malaysia bersama-sama lima buah negara Asia Tenggara lain iaitu i) Vietnam, ii) Filipina, iii) Lao PDR iv) Kemboja dan v) Myanmar. Kajian SEA-PLM ini merupakan penyertaan julung kali oleh Malaysia. Kajian SEA-PLM ini merupakan kajian penandaarasan pencapaian murid dalam domain bacaan, penulisan, matematik dan kewarganegaraan global. Dapatan daripada kajian SEA-PLM penting sebagai rujukan untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran agar penandaarasan murid Malaysia pada peringkat antarabangsa dapat diteruskan.

Laporan Kebangsaan Kajian SEA-PLM 2019 mengemukakan 8 bab, yang merangkumi pencapaian murid dalam domain bacaan, domain penulisan, domain matematik, kewarganegaraan global, ekuiti serta implikasi dasar. Turut disertakan ialah laporan kajian lanjutan SEA-PLM 2019: Faktor yang menyumbang kepada kemahiran membaca murid Tahun 5. Data yang terkandung dalam buku laporan ini bermanfaat untuk dijadikan rujukan oleh pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sistem pendidikan Malaysia.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pentadbiran kajian SEA-PLM 2019. Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak berkepentingan termasuk di Bahagian (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru, murid dan ibu bapa telah menghasilkan kejayaan pelaksanaan SEA-PLM 2019.

PENGARAH

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN

PENGHARGAAN

Pengurusan dan pentaksiran kajian SEA-PLM 2019 ini dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan sebagai peneraju utama kajian ini. Kajian yang julung kali disertai Malaysia ini secara keseluruhannya adalah mengikut standard operasi dan garis masa yang telah ditetapkan oleh Sekretariat Southeast Asia Ministers of Education Organization (SEAMEO). Dalam kajian pusingan pertama ini, beberapa operasi utama melibatkan penterjemahan item ujian dan soal selidik, penskoran respons ujian dan seterusnya pembekalan data kajian dan penyediaan maklumat untuk penulisan buku Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 adalah melibatkan khidmat kepakaran pegawai.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam kajian ini sama ada pada peringkat kementerian iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Profesionalisme Guru, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Lembaga Peperiksaan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Pendidikan Swasta, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) serta semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan sekolah sampel yang terlibat dalam SEA-PLM 2019.

Bagi penerbitan buku laporan ini, penghargaan khusus diberikan kepada:

Pengarah BPPDP

Timb Pengarah Kanan BPPDP

Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzam Amin
(Timbalan Pengarah Sektor Penyelidikan dan
Penilaian BPPDP selaku Penasihat)

Dr. Wan Raisuha binti Wan Ali

Dr. Maszuraini binti Miswan

Pn. Norahsikin binti Harun

Pn. Suzemie Ayu binti Ramli

Dr. Siti Sabihah binti Ghazali

Dr. Nurharani Selamat

Dr. Zainin binti Bidin

Dr. Nor Hisham bin Ismail

Dr. Sharida Hanim binti Sarif

Dr. Saniah binti Sembak

Dr. Iskandar bin Padzil

Dr. Vichetera A/P Rajagani @ Diwyaa

En. Rafizrin bin Raffi

En. Mohd Syazwan bin Jonit

En. Mohd Khairy Bazli bin Abu Bakar

Pn. Apidah binti Abu Naim

Pn. Hafi Rozerin binti Mahadi

Pn. Intan Suzana binti Abdul Rahman

Pn. Intan Jamilah binti Jamaludin

Pn. Mahani binti Wahab

Pn. Mazlin binti Mazlan

Pn. Noor Hazlin Mustafa

Pn. Norliza binti Shoib

Pn. Norhaszlyati binti Hasim

Pn. Nor Azizi binti Abdullah

Pn. Nordira binti Nayan

Pn. Nur' Irma Diyana binti Mohd Norbi

Pn. Nurulhana binti Hussain

Pn. Reywathi A/P Arumal

BAB 1

Pengenalan SEA-PLM

PENGENALAN SEA-PLM

1.1 PENGENALAN

Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) ialah kajian penandaarasan antarabangsa peringkat sekolah rendah khususnya bagi negara serantau Asia Tenggara. SEA-PLM julung kalinya diadakan pada tahun 2019 dan dianjurkan oleh Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) dan UNICEF East Asia and Pacific Regional Office (EAPRO). Kajian SEA-PLM bertujuan mengukur pencapaian pembelajaran murid tahun lima dalam tiga domain kognitif iaitu Bacaan, Penulisan dan Matematik. Kewarganegaraan Global merupakan domain tambahan dalam pusingan pertama SEA-PLM 2019. Enam negara Asia Tenggara telah mengambil bahagian dalam SEA-PLM 2019 iaitu Filipina, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, dan Vietnam.

Agenda utama SEA-PLM adalah untuk membantu negara dalam mencapai Sustainable Development Goals 4 (SDG 4) selari dengan Indikator SDG 4.1.1 iaitu:

“Kadar kanak-kanak dan remaja (a) dalam tahun 2/3, (b) pada akhir sekolah rendah dan (c) pada akhir menengah rendah, mencapai sekurang-kurangnya tahap kemahiran minimum dalam bacaan dan matematik mengikut jantina”.

Kewarganegaraan Global pula selari dengan sasaran SDG 4.7 iaitu:

“Menjelang tahun 2030, semua murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Ini penting untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuklah antara lain melalui pendidikan pembangunan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global, dan penghargaan terhadap

kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya dalam pembangunan mampan”.

1.2 KERANGKA SEA-PLM

Dari penghujung tahun 2014 hingga awal tahun 2015, sekumpulan penyelidik dari Australian Council for Educational Research (ACER) yang terdiri daripada ahli pasukan tinjauan antarabangsa, pakar psikometrik, penggubal ujian dan pakar soal selidik telah bekerjasama dengan kumpulan rujukan teknikal serantau bagi menyemak kerangka penilaian sedia ada serta membangunkan draf kerangka penilaian untuk digunakan dalam projek SEA-PLM. Dokumen ini disediakan oleh enam buah negara, iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Kemboja, Lao PDR, Malaysia dan Thailand. Dokumen kurikulum semua negara yang terlibat juga telah dikongsi dan disemak.

Draf pertama Kerangka Penilaian SEA-PLM telah dibentangkan dalam mesyuarat pakar teknikal di Bangkok, Thailand, pada Februari 2015 untuk dibincangkan, dan seterusnya disemak dengan lebih terperinci. Draf yang mengandungi ulasan pakar pula telah dihantar kepada ahli kumpulan teknikal pada Mac 2015 untuk mendapatkan input tambahan.

Kerangka akhir yang dihasilkan memfokuskan pendekatan menilai literasi Bacaan, Penulisan, dan Matematik. Kerangka penilaian ini juga mengandungi kerangka konseptual untuk soal selidik kontekstual yang mengandungi komponen Kewarganegaraan Global. Tumpuan pada bidang ini adalah menekankan kurikulum yang dapat menyediakan golongan muda dalam mengambil sebagai ahli masyarakat yang efektif dan mampu menangani pelbagai cabaran yang akan dihadapi oleh mereka dalam kehidupan selepas tamat persekolahan.

Kerangka Penilaian SEA-PLM telah digubal untuk menampung potensi SEA-PLM sebagai penilaian sepanjang tahun persekolahan wajib. Pelaksanaan pertama SEA-PLM menyasarkan murid Tahun 5. Walau bagaimanapun, sekiranya pelaksanaan SEA-PLM pada masa hadapan menyasarkan murid selain Tahun 5, penambahbaikan dari segi contoh dan perincian boleh dilakukan tanpa menjejaskan keseluruhan definisi dan struktur kerangkanya.

Kerangka penilaian SEA-PLM memperincikan struktur asas SEA-PLM dan menyediakan penerangan tentang konstruk yang akan diukur. Di samping itu, kerangka ini juga menggariskan reka bentuk dan kandungan instrumen pengukuran serta menerangkan kaitan ukuran yang dihasilkan oleh instrumen tersebut dengan konstruk. Kerangka penilaian SEA-PLM boleh diakses di laman sesawang rasmi SEA-PLM (www.seaplm.org).

1.3 DEFINISI DOMAIN SEA-PLM BERDASARKAN SASARAN SDG 4.1

1.3.1 Bacaan

Indikator SDG 4.1.1b mendefinisikan penguasaan minimum dalam Bacaan pada 'akhir sekolah rendah' sebagai:

Murid berupaya membaca teks ringkas, naratif pendek dan ekspositori dengan lancar dan tanpa bimbingan. Murid berupaya mencari maklumat yang dinyatakan secara eksplisit. Murid berupaya mentafsir dan menghuraikan beberapa idea utama yang terdapat dalam teks. Murid berupaya mengemukakan pendapat secara ringkas tentang sesuatu maklumat, peristiwa dan watak yang terdapat dalam teks.

(GAML, 2019, hlm.16)¹

1.3.2 Penulisan

Tiada Indikator SDG 4.1.1 yang ditetapkan untuk domain Penulisan.

1.3.3 Matematik

Indikator SDG 4.1.1b mendefinisikan penguasaan minimum dalam matematik pada 'akhir sekolah rendah' sebagai:

Murid dapat menambah dan menolak nombor bulat dalam lingkungan 1,000 dan menunjukkan kemahiran dalam operasi mendarab hingga 10×10 , membahagi; menyelesaikan masalah mudah dalam kehidupan harian yang melibatkan nombor bulat menggunakan keempat-empat operasi matematik (mengikut tahun dan tahap kecekapan) dan mengenal pecahan setara yang mudah; memilih dan menggunakan pelbagai alat pengukur dalam mengukur dan membandingkan ukuran panjang, jisim dan isipadu; memahami perkaitan di antara unit masa seperti saat, minit, jam, hari, minggu, bulan dan tahun; mendapatkan maklumat daripada data yang diberi bagi menyelesaikan masalah; mengenal pasti dan menamakan bentuk dua dimensi berdasarkan huraian ciri-cirinya; dan mengaplikasi konsep kesetaraan dalam menentukan sesuatu nilai dalam ayat matematik¹.

(GAML, 2019, hlm.29)¹

1.4 INSTRUMEN SEA-PLM

SEA-PLM 2019 dikendalikan di Malaysia dengan menggunakan buku ujian (jawapan secara bertulis) bagi menguji murid tahun lima dalam domain kognitif, iaitu Bacaan, Penulisan dan Matematik. Soal selidik murid pula bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan latar

¹ ACER Centre for Global Education Monitoring (ACER-GEM). (2019). *Minimum proficiency levels: described, unpacked, and illustrated. Version 2*. UNESCO Institute for Statistics.

belakang, persepsi dan sikap murid terhadap Kewarganegaraan Global. Buku ujian dan soal selidik murid disediakan dalam tiga jenis bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil berdasarkan bahasa pengantar yang digunakan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang terdapat di Malaysia. Murid diberikan tempoh selama satu jam untuk menjawab soalan ujian dan 30 minit untuk menjawab soal selidik.

Instrumen SEA-PLM 2019 juga terdiri daripada soal selidik sekolah, soal selidik guru dan soal selidik ibu bapa/penjaga yang disediakan dalam bahasa Melayu. Soal selidik sekolah bertujuan mengumpul maklumat tentang pentadbiran dan demografi sekolah termasuk kelayakan guru, kemudahan dan sumber di sekolah. Soal selidik guru mengumpul maklumat latar belakang diri guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan murid. Soal selidik ibu bapa pula mengumpul maklumat latar belakang tahap pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, kemudahan yang disediakan di rumah serta tahap pendidikan yang diberikan kepada anak-anak. Dapatan daripada soal selidik tersebut dapat mewujudkan pemahaman tentang konteks pembelajaran murid dan memberikan maklumat tentang hubungan antara latar belakang murid, pengalaman pembelajaran murid, persekitaran sekolah, profil guru serta pelibatan ibu bapa/ penjaga dengan pencapaian murid dalam domain yang diuji.

1.5 KAJIAN SEA-PLM DI MALAYSIA

Kajian utama SEA-PLM di Malaysia telah dilaksanakan pada 17 September hingga 11 Oktober 2019 melibatkan 160 buah sekolah, 4,479 orang murid, 4,415 orang ibu bapa, 3,445 orang guru dan 160 orang guru besar.

Pensampelan SEA-PLM menggunakan proses pensampelan dua peringkat iaitu:

- i. Sekolah dipilih mengikut prosedur yang sistematik dengan kebarangkalian pemilihan berkadaran dengan bilangan murid Tahun 5 yang berdaftar daripada populasi. Sampel minimum bagi setiap negara adalah 150 buah sekolah.
- ii. Sebuah kelas Tahun 5 dari setiap sekolah sampel dipilih secara rawak. Semua murid dari kelas tersebut telah diambil menjadi sampel.

Proses pensampelan dua peringkat ini dibentuk supaya semua murid Tahun 5 daripada populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Kadar penyertaan murid dan sekolah dilaporkan mengikut piawaian penyertaan antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan data kebangsaan.

Jenis sekolah yang terlibat dalam sampel kajian ini ialah Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sekolah swasta. Keputusan kajian utama SEA-PLM diperoleh pada Disember 2020.

BAB 2

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN BACAAN

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN BACAAN

2.1 KOMPETENSI LITERASI BACAAN DI MALAYSIA

Ujian literasi Bacaan SEA-PLM menghasilkan data yang boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memahami tahap literasi Bacaan bagi peringkat sekolah rendah. Jadual 2.1 menunjukkan skala kecekapan untuk literasi Bacaan.

Skala ini mengkategorikan tahap kecekapan yang boleh dilaksanakan oleh murid kepada beberapa band. Band tersebut dilabelkan sebagai '2 dan ke bawah', 3, 4, 5, dan '6 dan ke atas'. Item ujian (soalan) berada di band lebih tinggi menunjukkan bahawa item itu lebih sukar. Sehubungan itu, murid yang boleh menjawab soalan di band tinggi adalah murid berprestasi tinggi.

Jadual 2.1: Perincian skala penguasaan untuk literasi Bacaan


Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 6 & ke atas (317 dan ke atas)	Memahami teks dengan struktur biasa dan menguruskan maklumat yang bertentangan Murid yang melepasi Band 5 boleh memahami teks dengan struktur yang lazim dan mengurus maklumat yang bertentangan apabila mencari idea dan butiran. Mereka dapat mencari banyak maklumat yang berkaitan dalam teks dengan struktur lazim, dan membuat perkaitan antara butiran dan idea bagi membuat inferens. Mereka dapat menggunakan petunjuk dan maklumat yang jelas bagi menyokong inferens walaupun terdapat maklumat yang bertentangan. Mereka juga dapat mengenal pasti elemen yang mungkin menjadi penyebab kepada peristiwa dan tindak balas watak-watak dalam naratif, iaitu maklumat yang hanya tersirat dalam teks.
Band 5 (304 hingga kurang dari 317)	Membuat perkaitan dalam memahami idea-idea utama Murid dalam kumpulan ini dapat menghubungkan maklumat yang berkaitan merentasi bahagian-bahagian dalam teks, termasuk jadual dan gambar rajah yang membolehkan mereka memahami idea utama. Konteks dan idea dalam teks yang boleh mereka akses mungkin bukan sesuatu yang lazim kepada murid sepenuhnya. Mereka boleh mengenali frasa dan ayat yang menyampaikan makna yang sama, dan membuat inferens mudah apabila terdapat beberapa maklumat yang bertentangan. Mereka boleh mengenal pasti tujuan ciri teks yang penting dalam teks pendek yang lazim dan menggunakan ciri teks tersebut yang membantu mereka dalam mencari maklumat.
Band 4 (289 hingga kurang dari 304)	Memahami teks ringkas Murid dalam band ini dapat memahami teks mudah yang mengandungi beberapa idea dan maklumat yang sebahagiannya di luar pengalaman peribadi murid. Murid boleh mencari ungkapan pendek yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama (sinonim) dan menggunakan ciri teks, mencari maklumat dalam jadual dan jenis teks lazim yang lain. Mereka boleh mencantumkan maklumat yang penting merentasi ayat berdekatan. Mereka boleh membuat inferens mudah apabila petunjuk yang jelas disediakan dan dalam pelbagai teks mudah yang berlainan jenis. Murid dapat membuat tafsiran maklumat yang munasabah dalam teks, dan dapat mengenal pasti tujuan jenis teks biasa. Mereka dapat menggunakan ciri teks dari jenis teks yang lazim seperti jadual dan huruf dalam mencari butiran. Dalam pepadanan perkataan dengan imej, mereka dapat memilih antara perkataan yang mempunyai makna yang serupa tetapi perkataan berbeza, dan mereka boleh mengenal pasti ayat yang lebih panjang yang menerangkan imej.

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 3 (274 hingga kurang dari 289)	Membaca pelbagai teks harian dengan lancar dan mula tertarik dengan maknanya Murid dalam band ini dapat membaca pelbagai teks harian, seperti naratif mudah dan pendapat peribadi, dan mula tertarik dengan makna teks yang dibaca. Mereka dapat mencari isi penting dalam teks harian, serta menghubungkan maklumat yang berkaitan yang jelas dan terdapat maklumat bertentangan yang minimum. Mereka biasanya dapat membuat inferens mudah dari maklumat utama.
Band 2 & ke bawah (kurang dari 274)	Mengenal pasti hubungan antara perkataan dan maknanya Terdapat hanya beberapa item dalam SEAPLM yang berada di bawah Band 3, oleh itu perincian yang umum tentang apa yang murid di bawah Band 3 faham dan boleh lakukan dalam literasi bacaan tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, item yang diberi menunjukkan murid dalam Band 2, dan mungkin di bawah Band 2, biasanya dapat memadankan salah satu daripada empat perkataan yang diberikan dengan ilustrasi objek, tempat atau simbol yang biasa, untuk tugas-tugas yang mudah, secara terus dan berulang. Ini menunjukkan bahawa murid di bawah band 3 dapat mengenal pasti makna beberapa perkataan.

Keputusan SEA-PLM menunjukkan terdapat tahap kecekapan yang pelbagai dalam kalangan murid Tahun 5 di Malaysia. Secara keseluruhan, Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam ujian literasi bacaan berbanding purata serantau.

Rajah 2.1 menunjukkan peratus skor skala murid Tahun 5 di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Bacaan. Dapatan menunjukkan majoriti murid berada dalam

lingkungan Band 6 dan ke atas (58%). Kadar pencapaian murid dalam Band 2 dan ke bawah, 3 dan 4 adalah lebih rendah daripada purata serantau. Ini menunjukkan bahawa murid Tahun 5 di Malaysia secara amnya mempunyai tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam literasi Bacaan berbanding purata serantau. Jadual 2.2 memaparkan angka yang diwakili dalam Rajah 2.1. Purata skor skala Malaysia berbanding purata skor serantau dalam literasi Bacaan ditunjukkan dalam Jadual 2.3.



Rajah 2.1: Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Bacaan

Jadual 2.2: Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Bacaan

	Band 2 & ke bawah	Band 3	Band 4	Band 5	Band 6 & ke atas
Malaysia	5	7	12	18	58
Purata enam negara	21	19	18	13	29

Jadual 2.3: Purata skor skala Bacaan Malaysia berbanding purata skor serantau

	Bacaan	
	Skor purata	Sisihan Piawai
Malaysia	319	24
Purata enam negara	300	30

Skala kecekapan yang diterangkan bagi semua band adalah relatif dengan membandingkan penguasaan kemahiran dengan standard antarabangsa (Indikator SDG 4.1.1). Ini ditunjukkan melalui pencapaian yang diharapkan daripada murid pada akhir Tahun 5. Murid yang berada di Band 6 dan ke atas telah menunjukkan kemahiran bacaan yang konsisten dengan pencapaian yang dijangkakan pada akhir sekolah rendah. Manakala murid dalam Band 5 telah menunjukkan kemahiran yang konsisten dalam bahagian pencapaian yang diharapkan seperti mencari maklumat yang dinyatakan secara eksplisit, dan memahami idea utama dalam teks.

Keputusan SEA-PLM 2019 untuk Malaysia menunjukkan 58 peratus murid Tahun 5 berada pada Band 6 dan ke atas. Ini menunjukkan murid tersebut berkemungkinan mampu menghadapi cabaran kurikulum berasaskan kemahiran abad ke-21 apabila mereka beralih ke pendidikan menengah. Sebanyak 42 peratus murid belum lagi berada pada tahap ini, namun 18 peratus murid Tahun 5 yang mencapai Band 5, mungkin mencapai tahap yang diharapkan pada akhir pendidikan rendah mereka. Sebanyak 5 peratus murid di Band 2 dan ke bawah masih belum mencapai tahap yang dijangkakan pada penghujung Tahap 1 sekolah rendah.

Purata skor skala literasi Bacaan murid Malaysia ialah 319, bersamaan dengan Band 6 dan ke atas. Sebagai perbandingan, purata skor skala literasi bacaan negara serantau ialah 300, bersamaan dengan Band 4.

Untuk menggambarkan kesukaran item mengikut band, dan untuk memahami tahap literasi Bacaan yang diharapkan daripada murid Tahun 5, tiga contoh item ujian dibincangkan (bukan item sebenar kajian utama SEA-PLM).

Rajah 2.2 menunjukkan bahan rangsangan bacaan dan item contoh yang konsisten dengan kesukaran item pada Band 6 dan ke atas, iaitu item pada tahap sukar dalam konteks SEA-PLM 2019. Bahan rangsangan bacaan tersebut ialah teks naratif yang berterusan dalam konteks individu (personal). Ceritanya bermula di pertengahan perbualan antara dua watak. Permulaannya mendadak tanpa dinyatakan secara eksplisit tentang latar, watak atau peristiwa yang sedang berlangsung. Walaupun ini ialah konvensyen biasa untuk naratif, tetapi tanpa menyatakan latar, watak atau peristiwa meningkatkan kesukaran teks. Teks ini juga tiada kesimpulan yang jelas kerana terdapat jawapan yang tersirat kepada persoalan utama tentang apa yang Kit nampak bersinar di bahagian bawah lubang, iaitu air. Perbendaharaan kata yang



LUBANG

"Saya dapat melihat sesuatu yang berkilat di bahagian bawah", kata Kit. "Mungkin itu syiling emas." "Jangan jadi bodoh," kata Sara sambil mengintip ke dalam lubang itu. Adik lelakinya sentiasa melihat sesuatu, mencipta objek daripada benda yang tiada.

"Mungkin itu ialah pedang," sambung Kit. "Mungkin seorang raja menanam pedang emas di dalam tanah pada zaman dahulu dan kemudian melupakannya."

"Mungkin itu ialah kotoran, diselaputi dengan kotoran, diliputi dengan lebih banyak kotoran", kata Sara. "Itu hanyalah satu lubang yang mungkin dibuat oleh binatang buas."

"Awak silap!" balas Kit. "Tiada haiwan yang boleh membuat lubang sebesar ini!"

"Jika awak yakin sangat ini bukan lubang haiwan, awak turunlah ke dalamnya."

Kit mula pucat. "Erm... tidak. Saya tidak boleh masuk ke dalam lubang ini ... kerana ... saya sakit kaki!"

Sara tersenyum; ini tiada kaitan dengan kaki Kit. Lubang besar boleh bermakna haiwan besar.

"Saya ada idea," katanya sambil mengambil batu yang ada di sebelahnya. "Saya akan jatuhkan batu ini ke dalam lubang. Jika kita mendengar bunyi berdenting maksudnya ada harta karun. Jika kita mendengar bunyi berdebuk, maknanya ada kotoran. Jika kita mendengar bunyi kesakitan, maknanya ada seekor haiwan."

Sara menjatuhkan batu itu dan mereka tidak mendengar apa-apa untuk seketika. Kemudian mereka terdengar bunyi percikan.

Mengapa Kit tidak mahu turun ke dalam lubang?

- Sebab dia sakit kaki
- Sebab dia takut
- Kerana dia tidak tahu cara memanjat
- Sebab dia tahu ada binatang dalam lubang itu



Rajah 2.2: Contoh Item Bacaan Band 6 dan ke atas

digunakan dalam teks adalah perkataan lazim dan terdapat hanya beberapa perkataan yang sukar serta bukan merupakan kata kunci bagi sesuatu maklumat penting. Teksnya juga agak pendek. Teks pendek lebih mudah untuk dibaca bagi mendapatkan maklumat penting.

Item ini juga menyasarkan proses mentafsir pembacaan yang memerlukan pembaca mencantumkan beberapa perincian maklumat dan membuat inferens tentang perasaan Kit semasa dia enggan turun ke dalam lubang. Perincian seperti ayat Kit mula pucat dan percakapannya yang teragak-agak seperti yang ditunjukkan melalui penggunaan elips membuatkan Sara berpendapat bahawa, "Ini tiada kaitan dengan kaki Kit", sedangkan Sara mengandaikan haiwan besar yang ada di dasar lubang. Pembaca yang lemah akan mengambil kira apa yang Kit katakan secara literal, dan memilih opsi a, "kerana kakinya

sakit" atas sebab sepadan dengan perkataan dalam teks. Pembaca yang lemah juga akan mengabaikan semua maklumat kontekstual yang menunjukkan bahawa pernyataan Kit tidak boleh dipercayai. Manakala pembaca yang baik akan membaca kenyataan Kit berdasarkan konteks dan menggunakan perkataan yang ada dalam teks untuk memahami bahawa Kit menggunakan alasan sakit kaki bagi menutup ketakutannya terhadap haiwan besar yang mungkin berada di dasar lubang.

Penerangan tentang aras penguasaan untuk murid dalam Band 6 dan ke atas adalah "dapat mengenal pasti sebab yang paling bernas untuk [...] reaksi watak dalam naratif, melalui maklumat yang tersirat dalam teks." Penerangan tersirat merangkumi perkara yang perlu dilakukan oleh murid dalam item contoh ini.

Murid Malaysia yang menduduki SEA-PLM 2019:

- 58 peratus berkemungkinan akan menjawab item ini dengan betul (iaitu, mereka yang berada di Band 6 dan ke atas)
- Baki 42 peratus mungkin tidak dapat menjawab item ini dengan betul.

Rajah 2.3 menunjukkan item sederhana sukar pada Band 4, berdasarkan naratif yang sama dalam Rajah 2.2, Lubang. Item ini memerlukan murid mencari maklumat dalam teks. Langkah pertama ialah mencari perkataan, "Saya ada idea", yang terdapat dalam perenggan kedua terakhir. Pembaca kemudiannya perlu meneruskan bacaan untuk mencari maklumat yang jelas bahawa Sara mengambil batu dan kemudian berkata, "Saya akan jatuhkannya ke dalam lubang." Murid mesti mengaitkan "nya" kepada "batu" untuk memahami idea Sara. Item ini bukanlah pengambilan yang mudah, tetapi semua maklumat adalah eksplisit, dan semuanya terletak dalam baris teks yang sama.

**Sara berkata, "Saya ada idea".
Apakah idea Sara?**

- a) menolak adiknya ke dalam lubang
- b) meneroka ke dalam lubang
- c) membuang syiling ke dalam lubang
- d) menjatuhkan batu ke dalam lubang

Rajah 2.3: Contoh item
Bacaan Band 4

Perincian aras penguasaan Band 4 menunjukkan bahawa murid boleh, "menghubungkaitkan maklumat yang jelas dengan ayat berdekatan", dan inilah contoh item yang murid perlu jawab.

Dapatan murid Malaysia yang menduduki SEA-PLM 2019:

- 12 peratus mungkin tidak dapat menjawab item ini dengan betul (iaitu, mereka yang berada di Band 3 atau ke bawah);


- Kebanyakan daripada 12 peratus yang berada di Band 4 berkemungkinan menjawab dengan betul; dan
- Baki 76 peratus (yang dalam Band 5 dan ke atas) hampir pasti dapat menjawab item ini dengan betul.

Terdapat 5 peratus murid di Malaysia berada pada Band 2 dan ke bawah. Empat item dalam Band 2 dan ke bawah merupakan item "label" yang memerlukan murid memilih satu perkataan yang sepadan dengan gambar objek lazim. Contoh Item label ditunjukkan dalam Rajah 2.4. Murid yang hanya dapat mengenal perkataan lazim tunggal berada jauh di bawah tahap literasi bacaan yang dijangkakan untuk murid Tahun 5. Walaupun jumlahnya nampak kecil tetapi membimbangkan apabila 1 daripada 20 murid berada pada tahap rendah ini. Intervensi awal boleh dilakukan bagi mengenal pasti murid yang memerlukan sokongan tambahan dan juga intervensi terancang untuk menyokong mereka. Bagi murid yang sudah berada di Tahun 5, sokongan tambahan dan pemulihan intensif masih boleh diberikan untuk memastikan murid mencapai tahap literasi Bacaan yang membolehkan mereka mampu memenuhi keperluan masa hadapan.



Rajah 2.4: Contoh Item Band 2
dan ke bawah

Rajah 2.5 menunjukkan skor skala murid Tahun 5 Malaysia berbanding purata serantau. Sebagai contoh, melihat persentil ke-90 kita dapat merumuskan bahawa 90 peratus murid Malaysia memperoleh skor skala 347 atau kurang, berbanding dengan



Rajah 2.5: Skor skala literasi Bacaan Malaysia berbanding purata serantau

Jadual 2.4: Skor skala literasi Bacaan Malaysia berbanding purata serantau

	Ke-5	Ke-10	Ke-20	Ke-30	Ke-40	Ke-50	Ke-60	Ke-70	Ke-80	Ke-90	Ke-95
Malaysia	275	286	300	309	316	322	327	332	338	347	353
Purata enam negara	264	272	282	289	295	300	306	311	318	328	335

pencapaian persentil ke-90 serantau sebanyak 328 atau kurang. Satu lagi contoh, persentil ke-50 (mengikut takrifan nilai median) ialah 300 di seluruh rantau dan 322 di Malaysia. Malaysia melebihi purata serantau dalam semua persentil secara konsisten. Jadual 2.4 yang memaparkan angka yang diwakili dalam Rajah 2.5.

2.2 PENJAJARAN LITERASI BACAAN SEA-PLM 2019 DENGAN SDG

Kecekapan literasi Bacaan SEA-PLM 2019 boleh digunakan untuk pelaporan kepada Institut Perangkaan UNESCO (UIS) SDG melalui penjajaran Indikator SDG 4.1.1a dan SDG 4.1.1b.

Proses penjajaran antara Indikator SDG dan band SEA-PLM telah diselaraskan dengan menggunakan penjajaran kualitatif deskriptor kecekapan. Penjajaran kepada Indikator SDG perlu merangkumi proses penghubung empirikal yang belum lagi dilaksanakan oleh SEA-PLM. Sehubungan dengan itu, analisis lebih lanjut diperlukan untuk memastikan pemahaman yang lebih jelas dan tepat

tentang prestasi murid berbanding indikator global. Walau bagaimanapun, dapatan awal menunjukkan wujud jurang dalam penguasaan bacaan murid seperti yang ditakrifkan dalam SDG.

Indikator SDG 4.1.1a mentakrifkan kecekapan minimum dalam bacaan pada 'akhir Tahap 1' sebagai:

"Murid dapat membaca dan memahami banyak perkataan bertulis, terutamanya yang biasa digunakan, serta dapat mengekstrak maklumat eksplisit daripada ayat. Selain itu, mereka dapat membuat kesimpulan apabila teks yang lebih panjang dibacakan kepada mereka."

(GAML, 2019, hlm.12)

Murid yang berada dalam Band 3 dan ke atas mempunyai kecekapan Bacaan yang memenuhi atau melebihi indikator 'akhir Tahap 1'. Namun murid dalam Band 2 dan ke bawah masih belum mencapai standard ini walaupun setelah mengikuti sekurang-kurangnya 5 tahun persekolahan.

Petunjuk SDG 4.1.1b mentakrifkan kecekapan minimum dalam bacaan bagi 'akhir sekolah rendah' sebagai:

Murid dapat membaca teks naratif dan teks ekspositori yang mudah dan pendek dengan bebas dan lancar. Mereka dapat mencari maklumat yang dinyatakan secara eksplisit. Selain itu, mereka boleh mentafsir dan memberi penerangan mengenai idea utama dalam teks. Mereka juga boleh memberi pendapat atau pertimbangan peribadi yang ringkas tentang maklumat, peristiwa dan watak dalam teks.

(GAML, 2019, hlm.16)


Murid yang mencapai Band 5 dalam SEA-PLM telah menunjukkan kecekapan literasi bacaan yang konsisten dengan beberapa bahagian pernyataan, termasuk mencari maklumat yang dinyatakan secara eksplisit dan memahami idea utama dalam teks.

Satu aspek yang tiada dalam deskriptor Band 5 ialah memberi pendapat dan pertimbangan. Manakala bagi Band 6 dan ke atas murid tidak sekadar boleh memberi pendapat dan pertimbangan tetapi boleh menggunakan maklumat eksplisit untuk menyokong inferens. Murid yang berada dalam Band 6 dan ke atas mempunyai kecekapan bacaan yang memenuhi atau melebihi Indikator SDG 'akhir Tahap 1'.

Rajah 2.6 menunjukkan pencapaian Malaysia berdasarkan Indikator SDG. 58 peratus murid berada pada atau melebihi Indikator SDG 4.1.1b. Ini merupakan pencapaian yang sangat baik berbanding purata serantau iaitu sebanyak 29 peratus. Namun ini juga bermakna 42 peratus murid Malaysia hanya mencapai Indikator SDG 'akhir Tahap 1' (4.1.1a). Jadual 2.5 memaparkan angka dalam Rajah 2.6.

Jadual 2.5: Peratus pencapaian literasi Bacaan Malaysia berbanding SDG 4.1.1

	Pada dan di bawah Band 2 (Di bawah SDG 4.1.1a)	Band 3, 4 atau 5 (Pada atau di atas SDG 4.1.1a tapi di bawah SDG 4.1.1b)	Band 6 dan ke atas (Pada atau di atas SDG 4.1.1b)
Malaysia	4.61	37.13	58.26




Rajah 2.6: Peratus pencapaian literasi Bacaan Malaysia berbanding SDG 4.1.1

2.3 PENCAPAIAN MURID DALAM LITERASI BACAAN MENURUT JANTINA DAN LOKASI SEKOLAH

Rajah 2.7 menunjukkan purata skor skala literasi Bacaan berbanding purata serantau menurut kategori jantina dan lokasi sekolah dalam setiap kategori. Pencapaian Malaysia melebihi purata serantau. Perbezaan di antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar adalah

besar di rantau ini secara amnya, tetapi di Malaysia perbezaan tersebut hanya pada 3 mata skor. Murid perempuan secara purata mendapat keputusan 9 mata skor lebih baik daripada murid lelaki di Malaysia. Pada peringkat serantau, pencapaian murid perempuan mengatasi murid lelaki dengan 6 mata skor, dan perbedaannya di Malaysia adalah lebih ketara berbanding di negara peserta lain.



Rajah 2.7: Purata skor skala literasi Bacaan berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah

Sumber: Southeast Asia Primary Learning Metrics 2019 (SEA-PLM) Malaysia National Report (2019)

2.4 PENCAPAIAN MURID DALAM LITERASI BACAAN MENGIKUT ARAS PENGUASAAN

Item literasi Bacaan dalam SEA-PLM 2019 yang ditaksir diukur diklasifikasikan mengikut proses kognitif dan jenis jawapannya. Empat proses kognitif yang dinilai: mengenal teks (mengetahui perkataan), mengakses maklumat dalam teks (mencari), memahami makna dalam teks (mentafsir), dan mengaitkan teks dengan pengetahuan dan pengalaman murid yang lebih luas (refleksi). Terdapat dua jenis jawapan dalam SEA-PLM 2019: aneka pilihan jawapan dan jawapan berpandu. Item literasi Bacaan menguji pemahaman murid tentang teks rangsangan, dan ini berbeza dari segi format, jenis teks dan konteks. Format teks dikategorikan sebagai berterusan, tidak berterusan atau bercampur. Jenis teks berbentuk naratif, deskriptif, persuasif, instruksional atau transaksional. Konteks teks bersifat individu, setempat atau merangkumi kawasan yang lebih luas.

Mengenal perkataan merupakan kemahiran awal untuk literasi Bacaan dan hendaklah dikuasai sebelum seseorang murid boleh mula memahami pelbagai teks yang berbeza dan ditulis untuk tujuan yang berbeza. Mencari, mentafsir dan membuat refleksi merupakan tiga proses dalam pemahaman yang saling berkaitan antara satu sama lain. Rajah 2.8 menunjukkan item literasi Bacaan dalam SEA-PLM 2019 mengikut band dan proses kognitif. Pendidik membandingkan proses kognitif bacaan dengan taksonomi perkembangan seperti Bloom dan membuat andaian bahawa item refleksi adalah lebih sukar untuk murid berbanding mencari item kerana konsep kognitif yang lebih kompleks.

Terdapat item mudah dan sukar dalam semua proses pembacaan yang diuji. Melalui pemerhatian, didapati terdapat item mentaksir dan refleksi pada semua

band kecuali band yang paling rendah. Manakala terdapat item mencari dalam Band 3 hingga 5. Ketiadaan item mencari dalam Band 6 dan ke atas tidak boleh ditafsirkan bahawa item mencari pada tahap yang sangat sukar mungkin tidak berlaku. Penjelasan yang boleh diberi adalah kemungkinan struktur dan konteks teks Bacaan dalam SEA-PLM 2019 membolehkan majoriti murid mencari dan mendapatkan maklumat serta idea di dalamnya.

Terdapat dua item Mengenal Perkataan dalam Band 4. Salah satu item adalah melabel seperti contoh dalam Rajah 2.4. Empat item melabel yang serupa dalam Band 2 dan ke bawah seperti Rajah 2.4 juga mempunyai pilihan jawapan yang lebih kurang serupa tetapi tidak berkaitan.

Dua daripada empat pilihan item melabel dalam Band 4 mempunyai perkataan yang lebih kurang serupa dengan makna iaitu: 'tangan' dan 'jari'. Ini akan meningkatkan lagi kesukaran item tersebut. Item lain dalam Mengenal Perkataan seperti dalam Band 4 adalah memilih salah satu daripada empat ayat kompleks untuk dipadankan dengan imej. Ini agak berbeza daripada tugas melabel tetapi masih menggunakan pengecaman perkataan yang lebih sepadan dengan imej berbanding dengan memahami teks.

Item literasi Bacaan respons berstruktur memerlukan murid menulis satu ayat panjang sebagai jawapan. Terdapat juga soalan yang memerlukan jawapan ya atau tidak diikuti dengan ayat yang menyokong pilihan tersebut. Secara umumnya, item respons yang dibina adalah lebih sukar daripada aneka pilihan kerana murid perlu memberi jawapan mereka sendiri berbanding memilih satu jawapan yang betul daripada empat pilihan, dimana yang tiga daripadanya adalah salah.

2.5 PENYEBARAN ITEM MENGIKUT KESUKARAN DAN KEUPAYAAN MURID

Analisis yang dilaksanakan ke atas data Malaysia menunjukkan beberapa item yang tidak menunjukkan pencapaian yang baik telah dikeluarkan daripada analisis lanjutan. Item yang selebihnya diukur dan ditentukan mengikut tahap kesukaran dan disusun daripada yang paling mudah (skor skala terendah) kepada yang paling sukar (skor skala tertinggi). Murid diletakkan pada skala yang sama mengikut ukuran kebolehan mereka.

SEA-PLM bertujuan mengukur kecekapan murid dalam pelbagai peringkat literasi Bacaan. Murid yang menduduki ujian ialah murid Tahun 5, namun penguasaan mereka mungkin berada di bawah atau melebihi tahap purata Tahun 5. Oleh itu ujian yang diambil perlu mengandungi pelbagai item dengan julat kesukaran yang sesuai. Sebaik-baiknya ujian tersebut mempunyai item yang agak mudah untuk dijawab oleh murid yang paling lemah, tetapi juga mengandungi item yang sukar supaya murid yang berkebolehan tinggi dapat menunjukkan kemampuan mereka. Secara keseluruhannya bagi murid Malaysia, terdapat beberapa item yang mencabar murid berprestasi tinggi. Ini tidak dapat dielakkan dalam ujian seperti SEA-PLM, yang perlu memasukkan pelbagai jenis item yang merangkumi pelbagai aras penguasaan di rantau Asia Tenggara.

Rajah 2.8 menunjukkan peta item individu yang menggambarkan skala literasi bacaan SEA-PLM 2019 secara visual. Maklumat di sebelah kanan mengandungi item, bernombor 1 hingga 51; item di bahagian atas adalah item yang agak sukar; item di bawah lebih mudah. Maklumat di sebelah kiri mengandungi X, yang setiap satu mewakili lebih kurang 5 orang murid yang mempunyai kebolehan


yang sama. Murid yang berada dalam lingkungan sebelah atas mempunyai keupayaan yang lebih tinggi; murid yang berada dalam lingkungan sebelah bawah mempunyai keupayaan yang lebih rendah.

Corak X memaparkan lengkung berbentuk loceng bagi taburan normal (jangkaan), dengan kebanyakan murid berada dalam aras pertengahan. Bilangan yang lebih kecil berada pada keupayaan sangat tinggi dan keupayaan sangat rendah. Sebaik-baiknya, taburan item hendaklah merentasi julat penuh keupayaan murid, untuk mengurangkan ralat pengukuran.

Susunan item dalam Rajah 2.8 menunjukkan dua item respons aras sukar di seluruh peta (Item 2 dan 7) tetapi merupakan aras sederhana untuk murid Malaysia. Kedua-dua item ini memerlukan murid untuk mencari bukti daripada teks, satu untuk menyokong pernyataan yang diberikan dalam teks dan satu lagi untuk menyokong jawapan murid kepada soalan ya/tidak. Daripada jumlah murid di seluruh rantau Asia Tenggara yang menjawab soalan ini, lebih kurang 30 peratus menjawab dengan betul untuk setiap soalan. Lebih kurang 60 murid Malaysia peratus dapat menjawab Item 2 dan 65 peratus dapat menjawab Item 7 dengan betul. Ini terbukti murid Malaysia lebih berkebolehan berbanding murid di rantau Asia Tenggara untuk mencari dan penulisan fakta dalam teks.

Secara keseluruhannya, purata pencapaian murid di Malaysia adalah lebih tinggi daripada purata serantau dan melebihi negara berprestasi rendah. Pentaksiran literasi Bacaan SEA-PLM 2019 secara relatifnya adalah mudah dan tidak mencabar bagi murid berprestasi tinggi. Dua mesej utama untuk Malaysia daripada dapatan literasi Bacaan, iaitu

perhatian perlu diberikan terhadap 5 peratus murid yang berada dalam Band 2 dan ke bawah dengan tahap literasi bacaan yang sangat rendah.



Rajah 2.8: Peta item individu yang menunjukkan keputusan literasi Bacaan di Malaysia

BAB 3

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN PENULISAN

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN PENULISAN

3.1 KOMPETENSI LITERASI PENULISAN DI MALAYSIA

Dapatan SEA-LPM berkenaan ujian kecekapan literasi Penulisan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai pengajaran dan pembelajaran penulisan. Jadual 3.1 menunjukkan skala aras penguasaan yang diperincikan oleh SEA-PLM 2019 bagi literasi Penulisan. Band yang digunakan untuk literasi Penulisan dilabel sebagai '1 dan ke bawah', 2, 3, 4, 5, 6, 7, dan '8 dan ke atas'.

Jadual 3.1: Perincian skala penguasaan untuk literasi Penulisan

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 8 dan ke atas (346 dan ke atas)	Penulisan teks yang kohensif dengan idea terperinci dan pelbagai kosa kata yang sesuai Murid dalam band ini boleh menghasilkan teks yang membentuk konteks dunia yang lebih luas, dengan idea yang relevan, terperinci dan kadang-kadang idea imaginatif. Mereka boleh menulis teks dengan pengenalan, isi dan kesimpulan, dengan idea-idea yang berkait rapat dan mudah diikuti. Sebagai contoh, mereka boleh memberikan penerangan keseluruhan yang jelas mengenai imej terperinci. Murid ini boleh menulis menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai, termasuk laras bahasa sopan dengan tahap yang lebih tinggi.
Band 7 (338 hingga kurang daripada 346)	Penulisan teks yang kohensif dan terperinci dalam pelbagai konteks dengan kosa kata yang mencukupi Murid dalam band ini boleh menghasilkan teks yang berkaitan dengan konteks dunia, setempat dan peribadi yang lebih luas, menyatakan idea-idea yang melampaui penerangan semata-mata untuk memasukkan beberapa aspek pandangan atau penilaian. Idea berkait rapat dan mudah diikuti, menggunakan ayat yang berbeza-beza dalam struktur dan sering dibentuk dengan betul. Murid boleh menghasilkan beberapa ayat yang kompleks tetapi ini mungkin mengandungi ralat. Apabila penulisan tentang konteks peribadi, contohnya mengenai aktiviti kegemaran, mereka boleh menggunakan kosa kata yang melebihi asas, untuk menghasilkan beberapa elemen deskriptif yang menarik.
Band 6 (327 hingga kurang daripada 338)	Penulisan teks ringkas untuk pelbagai tujuan dengan melebihi kosa kata asas Murid dalam band ini boleh menghasilkan teks yang berkaitan dengan konteks tempatan dan peribadi, menyampaikan penulisan mudah dengan beberapa perincian sokongan. Murid berupaya menghasilkan penulisan berurutan yang pembaca boleh mengikuti dengan mudah tetapi mereka masih belajar menggunakan peranti linguistik untuk mewujudkan persepaduan dalam teks mereka. Tahap kosa kata murid adalah asas dan mungkin mencukupi dalam menyampaikan butiran mesej, sebagai contoh, dalam nota ringkas, formal, nota.
Band 5 (316 hingga kurang daripada 327)	Penulisan teks asas yang tidak padu untuk pelbagai tujuan, menggunakan kosa kata mudah Murid dalam band ini boleh penulisan teks seperti nota, perihalan dan naratif, dalam pelbagai konteks. Mereka boleh menyampaikan idea secara ringkas, penjelasan jelas tugas berkaitan, dengan beberapa percubaan secara terperinci. Idea mereka biasanya dinyatakan dalam urutan logik yang agak mudah diikuti tetapi mungkin tidak cukup dikaitkan dengan kata-kata yang menghubungkan, atau mungkin kekurangan pengenalan atau kesimpulan. Gambaran butiran imej, sebagai contoh, boleh menerangkan pelbagai elemen dalam gambar dengan beberapa butiran, tetapi tidak terdiri daripada keseluruhan penggabungan ayat atau idea. Bentuk ayat secara amnya ringkas dan mungkin berulang atau mungkin lebih kompleks tetapi terdapat kesalahan. Murid dalam band ini boleh menggunakan kosa kata yang mencukupi untuk menyampaikan pelbagai konsep, tetapi tidak mempunyai ketepatan atau kejelasan.

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 4 (306 hingga kurang daripada 316)	Menghasilkan penulisan terhad, menyampaikan idea ringkas dengan kosa kata asas Murid dalam band ini boleh menghasilkan penulisan terhad yang berkaitan dengan tugas, menyampaikan idea ringkas, tetapi kurang penjelasan atau perincian. Dalam tugas seperti penulisan arahan asas, mereka boleh membentangkan proses dengan jelas, menggunakan tiga atau empat ayat yang gramatis tetapi ringkas, dan menggunakan pembentukan bahasa yang betul untuk arahan. Kosa kata asas boleh menghadkan keupayaan murid untuk menyampaikan butiran pada tahap ini.
Band 3 (296 hingga kurang daripada 306)	Menghasilkan penulisan yang sangat terhad, dengan idea yang ringkas, tidak mencukupi dan kosa kata yang terhad Murid dalam band ini boleh menghasilkan penulisan terhad yang berkaitan dengan konteks peribadi atau setempat. Idea mungkin sangat ringkas, tidak relevan atau tidak lengkap. Dalam penulisan cerita ringkas, sebagai contoh, mungkin terdapat beberapa makna urutan tetapi tidak konsisten atau sentiasa jelas. Murid ini boleh menghasilkan ayat ringkas atau berulang yang menggunakan pengulangan kata ganti atau kata nama untuk menghubungkan idea. Kosa kata asas pada tahap ini tidak mencukupi untuk menyampaikan penerangan yang baik, atau mungkin berulang.
Band 2 (287 hingga kurang daripada 296)	Menghasilkan penulisan yang sangat terhad, dengan idea yang saling tidak berkaitan dan kosa kata yang tidak mencukupi Murid dalam band ini boleh penulisan dengan cara yang terhad. Idea boleh menjadi tidak jelas, tidak relevan, terhad atau terdiri daripada serpihan sahaja. Mereka mungkin dapat menulis satu ayat yang mudah dengan betul, atau menghasilkan ayat yang tidak lengkap yang mengandungi banyak kesilapan. Struktur ayat mungkin berulang. Pada tahap kosa kata, keupayaan murid adalah asas dan tidak mencukupi dalam menyampaikan mesej yang jelas, atau sangat berulang.
Band 1 dan ke bawah (kurang daripada 287)	Keupayaan terhad dalam membentangkan idea dalam penulisan Murid dalam band ini mungkin dapat menghasilkan beberapa ayat dengan kandungan yang sangat terhad. Apabila cuba menerangkan gambar, sebagai contoh, mereka boleh memberi tumpuan kepada hanya beberapa ciri terpencil atau menghasilkan idea yang sangat umum. Pelbagai kosa kata yang terhad yang digunakan oleh murid dalam band ini tidak mencukupi dalam menerangkan gambar. Perkataan yang digunakan berkemungkinan menjadi asas dan berulang.

Satu tugas penulisan dapat merentasi pelbagai proses penulisan seperti menjana idea, kawalan struktur dan menyusun teks, mengurus koheren, menggunakan kosa kata, sintaksis dan tata bahasa, ejaan, tanda baca dan aksara. Setiap aspek ini diberi perhatian secara berasingan dalam analisis seperti item analisis bacaan atau matematik. Murid yang mampu mengekalkan skor yang tinggi dalam aspek penulisan mampu mendapat skor tinggi keseluruhan dan akan ditempatkan di band yang tinggi disenaraikan sebagai murid berprestasi tinggi. Murid

yang mendapat skor penulisan yang rendah akan dikelaskan sebagai murid berprestasi rendah. Terdapat jurang besar dalam keupayaan penulisan dalam kalangan murid Tahun 5 di Malaysia. Walaupun begitu, secara keseluruhannya, Pencapaian Malaysia dalam domain Penulisan adalah masih tinggi berbanding purata negara serantau, iaitu dengan mencapai purata skor 318 mata berbanding 300 mata purata negara serantau. Jadual 3.2 menunjukkan purata skor skala Malaysia berbanding purata skor serantau dalam literasi Penulisan.


Jadual 3.2: Purata skor skala Penulisan Malaysia berbanding purata serantau

	Penulisan	
	Skor Purata	Sisihan Piawai
Malaysia	318	19
Purata enam negara	300	30

Rajah 3.1 dan jadual 3.3 menunjukkan peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Penulisan. Dalam kalangan negara serantau yang mengambil bahagian dalam SEA-PLM, sebahagian besar murid berada di band paling rendah. 30 peratus murid daripada keseluruhan serantau berada di Band 1 dan ke bawah. Hanya 7 peratus sahaja murid dari Malaysia tergolong dalam band rendah ini.

Di Band 2, murid hanya mampu menghasilkan penulisan yang sangat terhad, dengan idea tergantung dan kosa

kata terhad. Walaupun 10 peratus murid di rantau ini tergolong dalam kategori Band 2, hanya 5 peratus murid dari Malaysia tergolong dalam band ini. Tahap menulis murid ini sama seperti murid di Tahap 1 dan akan menghadapi kesukaran ketika di sekolah menengah. Rajah 3.2 menunjukkan contoh penulisan Band 2 yang telah dikodkan oleh pemeriksa mengikut pelbagai aspek kemahiran menulis. Peratus murid Malaysia dalam kumpulan tahap terendah ini jauh lebih sedikit daripada peratus di negara serantau. Ini menunjukkan murid Tahun 5 di Malaysia secara umumnya lebih mahir

**Rajah 3.1:** Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Penulisan**Jadual 3.3:** Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Penulisan


Band	Malaysia	Purata Serantau
Band 1 dan ke bawah	7	30
Band 2	5	10
Band 3	11	14
Band 4	19	14
Band 5	26	14
Band 6	20	9
Band 7	7	4
Band 8 dan ke atas	4	5

dalam literasi Penulisan berbanding murid lain di rantau ini.

Untuk Band 3, murid mampu menghasilkan penulisan yang terhad, menggunakan idea yang ringkas tetapi tidak mencukupi serta penggunaan kosa kata yang terhad. 14 peratus murid mendapat Band 3 di rantau ini, dan hanya 11 peratus murid dari Malaysia yang berada di tahap ini.


Murid di Band 4 dapat menghasilkan penulisan terhad dan menyampaikan idea menggunakan kosa kata asas. Di Malaysia, 19 peratus murid berada di Band 4 berbanding 13 peratus murid di rantau ini.

Rajah 3.3 merupakan contoh penulisan Band 3 dan 4 dengan cara penulisan dikod mengikut pelbagai aspek dalam kemahiran menulis.



Kriteria	Skor	Komen
Keseluruhan	1	Kandungan sangat terhad dan hanya fokus pada elemen atau ciri yang terpencil
Struktur ayat	0	Susunan ayat
Kosa kata	1	Kosa kata asas
Ejaan	1	Menulis perkataan asas
Tanda baca	2	Murid boleh menggunakan tanda baca dengan tepat

Rajah 3.2: Sampel jawapan Band 2




Kriteria	Skor	Komen
Idea-idea	2	Penulisan berdasarkan topik yang terhad
Kosa Kata	1	Kota kata asas yang tidak selari untuk memberikan gambaran baik
Koheren	2	Idea secara keseluruhannya mengikut urutan logik tetapi itu perkataan yang digunakan tidak saling berhubung
Struktur ayat	1	Mudah, struktur ayat berulang

Rajah 3.3: Sampel jawapan Band 3

Di Malaysia, 26 peratus murid berada di Band 5 manakala 14 peratus murid di rantau ini berada di tahap tersebut. Murid di Band 5 berupaya menulis teks asas yang tidak kohesi bagi pelbagai tujuan dan menggunakan kosa kata mudah. Secara khususnya, murid di Band 5 mampu untuk menulis teks seperti nota, teks penerangan dan penceritaan dalam pelbagai konteks dengan tulisan tangan yang kemas. Murid di Band 5 boleh menyampaikan idea menggunakan ayat ringkas yang jelas berkaitan dengan tugas disertai dengan beberapa percubaan untuk memperincikan. Idea yang dikeluarkan oleh mereka dinyatakan dalam turutan logik yang agak mudah untuk difahami tetapi tidak digabungkan menggunakan kata penghubung yang sesuai, dan mungkin tidak mempunyai pengenalan atau kesimpulan. Contohnya, murid mungkin mampu menerangkan beberapa elemen dalam gambar dengan butiran tetapi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Walaupun murid boleh mencipta soalan yang betul, dan menggunakan tanda baca

yang betul, ayat yang terhasil umumnya ringkas, berulang-ulang atau kompleks tetapi mengandungi kesalahan. Murid boleh menggunakan kosa kata yang mencukupi dalam menyampaikan pelbagai konsep namun penyampaian tersebut kurang tepat atau jelas. Rajah 3.4 merupakan contoh penulisan pada Band 5 dan bagaimana penulisan ini dikodkan kepada pelbagai aspek kemahiran menulis ditunjukkan.

Murid di Band 6 pula boleh menulis teks ringkas untuk pelbagai tujuan menggunakan kosa kata melebihi kosa kata asas. Hanya 9 peratus murid di rantau ini yang berada pada Band 6 berbanding 20 peratus murid Malaysia telah pun berada di tahap ini dalam SEA-PLM. Murid di Band 7 pula boleh menulis dengan jelas, memperincikan teks dalam pelbagai konteks menggunakan kosa kata yang bersesuaian. Hanya 4 peratus murid di rantau ini yang berada di Band 7, berbanding 7 peratus murid Malaysia telah mencapai tahap ini di SEA-PLM. Band penguasaan tertinggi bagi literasi

	Elemen Naratif	0	1	
	Perincian/ Deskripsi	0	1	2
	Urutan peristiwa	0	1	2
	Kohesi	0	1	2
	Tanda baca	0	1	2
	Struktur ayat dan kesukaran	0	1	2

Rajah 3.4: Sampel jawapan Band 5 dan ke atas

Jadual 3.4: Skor skala literasi Penulisan Malaysia berbanding purata serantau


	Ke-5	Ke-10	Ke-20	Ke-30	Ke-40	Ke-50	Ke-60	Ke-70	Ke-80	Ke-90	Ke-95
Malaysia	283	294	304	310	315	319	323	328	333	339	345
Purata enam negara	257	268	279	288	296	302	308	314	321	330	337

Penulisan ialah Band 8. Pada tahap ini murid boleh menulis teks yang koheren dengan idea yang terperinci dan menggunakan kosa kata yang agak luas dan bersesuaian. Laporan menunjukkan bilangan murid yang berada pada tahap ini terlalu kecil dengan 5 peratus di rantau ini dan 4 peratus di Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat 12 peratus murid Malaysia yang berada di Band 2 dan ke bawah. Murid ini mempunyai

kebolehan menulis yang amat terhad, dengan idea yang tidak tersusun dan kosa kata yang tidak bersesuaian.

Purata skor skala penulisan bagi murid Malaysia ialah 318. Dapatan ini setara dengan Band 5 dan ke atas jika dibandingkan dengan skor min di negara serantau iaitu 300 bersamaan dengan Band 3. Rajah 3.5 menunjukkan prestasi Malaysia melebihi purata serantau negara peserta SEA-PLM dalam setiap persentil.

**Rajah 3.5:** Skor skala literasi Penulisan Malaysia berbanding purata serantau

3.2 PENJAJARAN LITERASI PENULISAN SEA-PLM 2019 DENGAN SDG

Tidak terdapat set Indikator SDG 4.1. bagi kemahiran literasi Penulisan. Oleh kerana tiada petunjuk yang jelas boleh digunakan bagi meramal pencapaian murid Tahun 5 pada peringkat antarabangsa, setiap negara yang mengambil bahagian membuat ramalan sendiri terhadap pencapaian yang akan diperoleh setelah mengambil kira pembolehubah tertentu seperti kualiti kurikulum, kepakaran guru, sumber yang ada di dalam pendidikan dan penetapan matlamat yang realistik. Selain itu, pemegang taruh dalam bidang pendidikan perlu menetapkan matlamat yang jelas berkaitan tahap kecekapan kemahiran menulis pada peringkat akhir sekolah rendah.

3.3 KESAN BAHASA PENTAKSIRAN

Merujuk kepada keputusan SEA-PLM bagi literasi penulisan dan hubungannya dengan bahasa pertuturan yang digunakan di Malaysia, data menunjukkan terdapat 80% murid di Malaysia menggunakan bahan yang sama sebagai pengantar di sekolah dan untuk bertutur di rumah. Pentaksiran SEA-PLM di Malaysia menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina. Secara purata, murid Malaysia yang menggunakan bahasa yang sama di sekolah dan di rumah menunjukkan pencapaian skor yang lebih baik iaitu lebih 7 mata skor berbanding menggunakan bahasa yang berbeza. (Rujuk Jadual 6.9 dalam Bab 6). Selain itu, data juga menunjukkan hampir 56 peratus murid yang hadir ke sekolah dan tidak fasih berbahasa ibunda ditawarkan bimbingan percuma. Manakala 15 peratus murid pula dibiayai oleh ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, hampir 30 peratus murid yang hadir ke sekolah yang menggunakan bahasa


pengantar berbeza daripada bahasa pertuturan mereka tidak diberikan bimbingan.

3.4 PENYEBARAN ITEM MENGIKUT KESUKARAN DAN KEUPAYAAN MURID

Analisis item yang dilaksanakan ke atas data Malaysia menunjukkan beberapa item yang tidak menunjukkan pencapaian yang baik telah dikeluarkan daripada analisis lanjutan. Item yang selebihnya diukur dan ditentukan mengikut tahap kesukaran dan disusun daripada yang paling mudah (skor skala terendah) kepada yang paling sukar (skor skala tertinggi).

SEA-PLM direka agar relevan kepada semua murid yang mempunyai pelbagai peringkat tahap literasi penulisan. Walaupun murid yang menduduki ujian berada di Tahun 5, terdapat kemungkinan keupayaan murid tersebut berada pada tahap yang lebih tinggi atau rendah dari gred sebenar mereka. Oleh itu, ujian yang dilaksanakan perlu mengandungi item-item yang mempunyai pelbagai tahap kesukaran bagi mendapatkan nilai purata yang tepat. Terdapat juga murid Malaysia yang mempunyai keupayaan tinggi dan berada melebihi daripada tahap yang sepatutnya.

Namun begitu, perkara yang membimbangkan adalah situasi terdapat murid yang berada pada bahagian bawah peta item individu (Rajah 3.6) yang bermaksud mereka tidak dapat menghasilkan respons yang memuaskan untuk ujian penulisan yang paling asas. Secara keseluruhan, peta ini menunjukkan bahawa ujian ini mengandungi item yang sesuai untuk murid di Malaysia. Ini merupakan kelebihan penilaian penulisan yang digunakan dalam SEA-PLM.




Rajah 3.6: Peta item individu yang menunjukkan keputusan literasi Penulisan di Malaysia

3.5 CIRI-CIRI PENTAKSIRAN PENILAIAN PENULISAN SEA-PLM

Pentaksiran bagi literasi Penulisan untuk SEA-PLM adalah berbeza dengan pentaksiran untuk bacaan dan matematik. Ini disebabkan ujian penulisan memerlukan murid menghasilkan jawapan bertulis yang panjang dengan ayat yang berbeza-beza. Manakala, soalan ujian bagi bacaan dan matematik adalah berbentuk aneka pilihan, terbuka serta pendek. Dalam ujian menulis, setiap soalan berfungsi menilai pelbagai kriteria dan akan diberikan jumlah mata skor dengan skala yang berbeza dan bergantung kepada kualiti penulisan yang dihasilkan.

Rajah 3.7 menunjukkan contoh soalan penulisan naratif. Aspek 7 digunakan dalam menilai 'struktur ayat dan kerumitan' bagi jawapan bertulis murid.

Murid yang menyalin respons mereka dari arahan akan mendapat 0 markah. Murid yang menghasilkan beberapa ayat yang tidak lengkap akan mendapat 1 markah. Murid yang menghasilkan beberapa ayat kompleks dengan kesilapan akan mendapat 2 markah. Murid yang berkemahiran lebih tinggi dan menghasilkan ayat dalam struktur berbeza-beza akan memperoleh 3 markah. Murid di Malaysia menghasilkan jawapan bertulis dari tahap yang sangat mudah hingga tahap yang lebih tinggi.



Rajah 3.7: Contoh soalan penulisan naratif

Jadual 3.5: Panduan sampel pemarkahan untuk struktur dan kerumitan ayat

Kriteria	Skor	Keterangan
Struktur dan kesukaran Ayat	0	Perkataan terpencil atau susunan ayat atau pengulangan semula
	1	Sesetengah ayat tidak lengkap atau mengandungi banyak kesilapan
	2	Ayat mudah dan berulang namun secara keseluruhannya betul atau ayat yang rumit tetapi terdapat kesalahan
	3	Struktur ayat diubah dan dibentuk dengan betul

3.6 PENCAPAIAN MURID DALAM LITERASI PENULISAN MENURUT JANTINA DAN LOKASI SEKOLAH


Rajah 3.8 menunjukkan purata skor skala bagi literasi Penulisan SEA-PLM 2019 Malaysia berbanding skor purata serantau menurut jantina dan lokasi sekolah iaitu bandar atau sekolah luar bandar. purata serantau menunjukkan pencapaian antara sekolah luar bandar dengan sekolah bandar secara umumnya adalah besar. Di Malaysia, keputusan menunjukkan prestasi murid telah melebihi nilai purata serantau dengan perbezaan 1 mata skor antara sekolah bandar (318) dengan sekolah luar bandar (317) Murid perempuan secara purata memperoleh 11 mata skor lebih tinggi berbanding murid lelaki di Malaysia. Pencapaian murid perempuan di rantau ini juga mengatasi pencapaian murid lelaki sebanyak 10 mata skor. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pencapaian Malaysia dengan negara serantau lain menurut jantina. Rajah 3.8 menunjukkan kedudukan kumpulan status sosioekonomi (SES) dari paling rendah hingga ke paling tinggi. Dapatan ini menunjukkan pencapaian murid Malaysia dalam kumpulan sosioekonomi yang paling rendah adalah setanding dengan purata pencapaian murid di rantau ini.

3.7 LITERASI PENULISAN DAN KEMAHIRAN ABAD KE-21

Rangka kerja penilaian SEA-PLM 2019 mentakrifkan literasi Penulisan sebagai 'membina makna melalui penjaan pelbagai teks bertulis untuk mengekspresikan diri dan berkomunikasi dengan orang lain, bertujuan untuk memenuhi keperluan peribadi, masyarakat, ekonomi dan sivik.' (UNICEF & SEAMEO, 2017, hlm 30).

Memandangkan komunikasi merupakan kemahiran penting abad ke-21, keperluan untuk meningkatkan kemahiran menulis di Malaysia adalah sangat penting. Murid seharusnya mampu menyampaikan idea mereka secara bertulis dalam pelbagai cara. Di sekolah menengah, penulisan sangat penting sebagai alat untuk memproses dan menyampaikan idea. Kemahiran ini akan terus meningkat tahap kerumitannya sepanjang pembelajaran pada peringkat pengajian tinggi mahupun di tempat kerja.

Penulisan merupakan satu kemahiran yang produktif. Murid perlu menghasilkan idea yang teratur dan mampu menggunakan perkataan yang sesuai mengikut tugas supaya mudah difahami. Kemahiran ini berbeza dengan bacaan seperti kemahiran menerima iaitu murid perlu memproses bahan yang disediakan. Kemahiran produktif lain yang tidak dinilai SEA-PLM adalah kemahiran bertutur. Bagi murid yang mengekspresikan diri mereka secara lisan di dalam kelas, rumah dan masyarakat, mereka perlu menguasai kemahiran yang sama seperti yang digunakan dalam penulisan. Oleh itu, bilangan waktu yang lebih banyak perlu diperuntukkan kepada murid di dalam kelas bagi membolehkan murid memikirkan isu dan mengembangkan idea dalam perbincangan dengan orang lain. Ini akan memberi manfaat kepada kemahiran lisan dan bertulis murid melalui pembentangan idea tersebut dalam kumpulan yang kecil atau besar. Justeru, kemahiran teras Abad ke-21 iaitu komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis dan kreativiti boleh dipertingkatkan melalui latihan dalam kedua-dua kemahiran tersebut.



Rajah 3.8: Purata skor skala literasi Penulisan berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah

Sumber: *Southeast Asia Primary Learning Metrics 2019 (SEA-PLM) Malaysia National Report (2019)*

BAB 4

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN MATEMATIK

PENCAPAIAN DALAM DOMAIN MATEMATIK

4.1 KOMPETENSI LITERASI MATEMATIK DI MALAYSIA

Ujian literasi Matematik SEA-PLM menyediakan data yang boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai pengajaran dan pembelajaran matematik pada peringkat rendah.

Jadual 4.1 menunjukkan perincian aras penguasaan literasi Matematik dalam SEA-PLM. Jadual ini membezakan kesukaran item dan keupayaan murid mengikut band yang akan digunakan dalam mentafsir keputusan. Band tersebut dilabel '2 dan ke bawah', 3, 4, 5, 6, 7, 8, dan '9 dan ke atas'. Soalan ujian yang berada di band yang lebih tinggi menunjukkan item tersebut lebih sukar.

Jadual 4.1: Perincian skala penguasaan untuk literasi Matematik

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 9 dan ke atas (347 dan ke atas)	Terdapat terlalu sedikit item yang menerangkan secara komprehensif kemahiran yang boleh dilakukan oleh murid pada Band 8. Walau bagaimanapun, mereka boleh membuat penaaakulan tentang tiga penjuru bagi mencari panjang sisi yang tidak diketahui dengan menggunakan maklumat mengenai perimeter. Mereka juga boleh menyelesaikan masalah menggunakan taburan kekerapan.
Band 8 (334 hingga kurang daripada 347)	Fikirkan secara pendaraban, tukar antara unit Di Band 8, murid boleh menyelesaikan masalah menambah pecahan dengan penyebut yang sama, dan membahagikan nombor perpuluhan dengan nombor 1 digit. Murid boleh membuat pola nombor yang melibatkan perpuluhan. Mereka boleh menukar dari pecahan jam ke minit dan boleh mengira perbezaan antara panjang yang melibatkan penukaran metrik. Mereka boleh menyelesaikan masalah menggunakan piktograf banyak kepada satu.
Band 7 (321 hingga kurang daripada 334)	Menggunakan pecahan dan peratus serta menganalisis perwakilan data. Murid di Band 7 boleh mengira peratus dan pecahan mudah nombor. Mereka boleh mengenal pasti putaran bentuk dengan separuh pusingan. Murid juga berupaya mencari nilai yang hilang dalam jadual menggunakan jumlah yang diberi dan mengira nilai peratus yang hilang pada carta pai.
Band 6 (308 hingga kurang daripada 321)	Menyelesaikan operasi matematik, , termasuk pecahan serta mentafsir jadual dan graf. Di Band 6, murid boleh menukar pecahan dalam persepuluh kepada perpuluhan. Mereka mempunyai pengetahuan kukuh tentang nilai tempat dan pembundaran dalam nombor sehingga 5 digit. Murid juga berupaya menyelesaikan masalah yang melibatkan alat pengukur yang memerlukan penukaran unit metrik panjang dan kapasiti. Mereka boleh mengira jisim objek menggunakan penimbang, menambah 30 minit ke masa yang diberikan serta menggambarkan objek 3 dimensi dari gambar 2 dimensi dan mentafsir peta mudah menggunakan bahasa arahan. Murid juga boleh mentafsirkan jadual kekerapan dan graf garis.


Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 5 (295 hingga kurang daripada 308)	Mahir menyelesaikan masalah aritmetik. Murid di Band 5 boleh menambah nombor 4 digit dan menolak nombor 2 digit dalam konteks dan mereka dapat mengenal pasti nombor 5 digit yang diberikan dalam perkataan. Murid boleh membuat pengiraan dan pola bentuk yang mudah. Mereka boleh membuat pendaraban dan pembahagian berdasarkan senario yang diberikan. Mereka memahami proses menerima separuh daripada kuantiti. Mereka boleh menyisipkan kapasiti dari silinder yang ditandakan dan boleh membandingkan antara sudut dengan sudut tegak. Mereka boleh menganggarkan jisim objek. Murid boleh membaca nombor daripada jadual dan jumlahnya. Mereka memahami struktur graf bar yang menunjukkan jumlah.
Band 4 (282 hingga kurang daripada 295)	Menggunakan sifat nombor dan unit pengukuran. Di Band 4, murid boleh mencari separuh daripada nombor genap 1 digit dan memahami nilai tempat dalam nombor 5 digit. Mereka boleh menyelesaikan masalah yang melibatkan kapasiti yang tidak melibatkan penukaran unit. Mereka boleh menggunakan pengetahuan mereka tentang bilangan minit dalam satu jam. Murid juga boleh membaca nilai daripada graf bar.
Band 3 (269 hingga kurang daripada 282)	Memahami nilai tempat dan skala pengukuran. Murid di Band 3 boleh menyusun nombor 2 digit. Mereka boleh membaca ukuran panjang dan jisim dari penimbang. Murid boleh mengenali bentuk mudah dan membandingkan sudut-sudut. Mereka juga boleh mentafsirkan graf bar mudah.
Band 2 (kurang daripada 269)	Terdapat terlalu sedikit item untuk menggambarkan kemahiran yang boleh dilakukan oleh murid di bawah Band 3. Sesetengah murid mungkin dapat menambah nombor digit tunggal serentak manakala yang lain mungkin hanya dapat mengira himpunan kecil objek atau mengenali angka.

Keputusan SEA-PLM menunjukkan bahawa pencapaian murid Tahun 5 di Malaysia merentasi kesemua aras penguasaan literasi Matematik SEA-PLM. Secara keseluruhan, Malaysia menunjukkan pencapaian yang baik dalam ujian Matematik berbanding purata serantau.

Rajah 4.1 menunjukkan peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau. Majoriti murid di Malaysia berada dalam Band 6 dan ke atas. Jadual 4.2 pula menunjukkan skor purata Malaysia dalam matematik berbanding purata serantau.

Jadual 4.2: Purata skor skala Malaysia berbanding purata skor serantau dalam literasi Matematik

	Matematik	
	Skor purata	Sisihan Piawai
Malaysia	315	17
Purata 6 Negara	300	30



Rajah 4.1: Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Matematik

Jadual 4.3: Peratus purata skor skala di Malaysia berbanding purata serantau dalam band literasi Matematik

	Band 2 & ke bawah	Band 3	Band 4	Band 5	Band 6	Band 7	Band 8	Band 9 & ke atas
Malaysia	3	5	10	18	24	21	13	6
Purata 6 Negara	14	16	19	16	12	9	6	8

Aras penguasaan yang diterangkan bagi semua band adalah relatif dengan membandingkan penguasaan kemahiran dengan standard antarabangsa (Indikator SDG 4.1.1). Ini ditunjukkan melalui pencapaian yang diharapkan daripada murid pada akhir Tahun 5. Murid yang berada di Band 6 dan ke atas menunjukkan kemahiran Matematik yang konsisten dengan pencapaian yang dijangkakan pada akhir sekolah rendah.

Keputusan Malaysia dalam SEA-PLM 2019 menunjukkan bahawa 64 peratus murid Tahun 5 mencapai aras penguasaan Band 6 dan ke atas. Murid ini ditakrifkan sebagai bersedia menghadapi cabaran kurikulum berasaskan kemahiran abad ke-21 apabila mereka beralih ke pendidikan peringkat menengah. Hampir dua pertiga murid Malaysia telah menguasai kemahiran asas

matematik manakala sebanyak 36 peratus murid Tahun 5 selebihnya masih belum mencapai tahap ini. Iaitu dianggarkan 28 peratus murid Tahun 5 berada di Band 4 atau 5 dan bakinya sebanyak 8 peratus dijangkakan masih berada pada tahap rendah pada penghujung sekolah rendah. Murid ini berkemungkinan

MATLAMAT (Mudah: Band 3)

Pasukan merah menjaringkan 4 gol.
Pasukan biru menjaringkan 7 gol.
Berapakah gol yang dijaringkan oleh pasukan biru yang melebihi pasukan merah?

- a. 3
- b. 4
- c. 7
- d. 11

Rajah 4.2: Contoh item Matematik Band 3

menghadapi masalah untuk mengikuti pembelajaran di sekolah menengah.

Bagi menggambarkan kesukaran item merentasi band dan dalam memahami tahap matematik yang diinginkan daripada murid Tahun 5, tiga item ujian daripada kajian rintis yang tidak digunakan dalam kajian utama dibincangkan.

Rajah 4.2 menunjukkan item Band 3 bagi topik Nombor yang hanya memerlukan satu pengiraan mudah menggunakan nombor 1 digit. Soalan tersebut ditetapkan dalam konteks yang sangat terhad, memerlukan sedikit bacaan dan aplikasi asas kemahiran mencari perbezaan antara dua nombor sahaja.

Dalam kalangan murid Malaysia yang menduduki SEA-PLM 2019:

- 3 peratus mungkin tidak menjawab item ini dengan betul (iaitu murid yang berada di Band 2 dan ke bawah);
- 5 peratus di Band 3 berkemungkinan menjawab dengan betul; dan

- 92 peratus dalam Band 4 dan ke atas hampir pasti dapat menjawab item ini dengan betul.

Item di Band 2 dan ke bawah melibatkan penambahan 2 nombor kecil atau pengiraan satu set objek. Kemungkinan 97 peratus murid di Malaysia menjawab item ini dengan betul. Item Band 4 yang lebih sukar memerlukan murid untuk mengenal pasti nilai tempat digit dalam nombor 4 digit. Berkemungkinan 82 hingga 92 peratus boleh menjawab dengan betul.

Rajah 4.3 menunjukkan item Band 5 dengan kesukaran sederhana. Item ini memerlukan murid untuk membaca nilai dari skala jag penyukat. Tanda paras cecair dalam jag berada di antara selang nilai yang bertanda. Murid perlu mentafsir skala dan mengenalpasti nilai yang betul. 18 peratus murid berkemungkinan tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul (Murid Band 4 dan ke bawah).

Jumlah jus lemon (Sederhana: Band 5)
Li mempunyai jus lemon dalam jug ini.
Berapa milimeter (ml) jus dalam jug ini?

- a. 301
- b. 310
- c. 325
- d. 350



Rajah 4.3: Contoh item Matematik Band 5

Botol Air (Susah: Band 8)

Sebuah kedai mempunyai 103 kotak air botol.
Terdapat 24 air botol dalam setiap kotak.



Berapa jumlah air botol yang terdapat dalam kedai tersebut?

Rajah 4.4: Contoh item Matematik Band 8

Rajah 4.4 menunjukkan item Band 8 yang sukar. Item ini memerlukan murid untuk mendarab nombor yang lebih besar daripada 100. Item ini berbentuk respon berstruktur dan murid perlu mengira jawapan sendiri.


- 81 peratus kemungkinan besar tidak dapat menjawab dengan betul (murid Band 7 dan ke bawah).
- 13 peratus murid Band 8 menjawab dengan betul
- 6 peratus (Band 9 dan ke atas) hampir pasti menjawab dengan betul.

Sebaliknya 19 – 40 peratus murid dapat menjawab dengan betul item Band 7

yang lebih mudah dan melibatkan pengiraan pecahan.

Rajah 4.5 menunjukkan perbandingan skor persentil murid tahap 5 di Malaysia dengan purata serantau. Persentil ke-90 menunjukkan 90 peratus murid Malaysia mendapat skala skor 342 dan ke bawah, berbanding dengan skor purata serantau 327 dan ke bawah.

Persentil ke-50 menunjukkan 300 di seluruh rantau dan 316 di Malaysia. Secara amnya, graf menunjukkan bahawa skor Malaysia melebihi skor serantau secara konsisten.



Rajah 4.5: Skor skala literasi Matematik Malaysia berbanding purata serantau

Jadual 4.4: Skor skala literasi Matematik Malaysia berbanding purata serantau

	Ke-5	Ke-10	Ke-20	Ke-30	Ke-40	Ke-50	Ke-60	Ke-70	Ke-80	Ke-90	Ke-95
Malaysia	276	286	297	304	311	316	321	326	333	342	349
Purata 6 Negara	266	274	283	289	295	300	305	311	318	327	334

4.2 PENJAJARAN LITERASI MATEMATIK DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

Kecekapan literasi Matematik SEA-PLM 2019 boleh digunakan untuk pelaporan kepada Institut Perangkaan UNESCO (UIS) SDG melalui penjajaran Indikator SDG 4.1.1a dan SDG 4.1.1b.

Proses penjajaran antara penunjuk SDG dan tahap band SEA-PLM telah dilakukan menggunakan penjajaran kualitatif bagi deskriptor kecekapan. Penjajaran SDG juga merangkumi proses menghubungkan jalin secara empirikal yang belum dijalankan SEA-PLM. Analisis lanjut diperlukan untuk memastikan pemahaman lebih terperinci tentang perbandingan prestasi murid dengan penunjuk global. Keputusan awal menunjukkan terdapat jurang kecekapan matematik murid seperti yang ditakrifkan oleh indikator SDG Global.

SDG 4.1.1a mentakrifkan kecekapan murid dalam Matematik pada akhir Tahap 1 sekolah rendah ialah murid boleh membaca, menulis dan membandingkan nombor sehingga 100. Murid juga berupaya membuat operasi tambah, tolak dan menyelesaikan masalah melibatkan nombor sehingga nombor 20. Murid dapat mengenal bentuk dan unsur mudah. Mereka boleh membaca paparan maklumat mudah. Mereka mempunyai pengetahuan asas tentang ruang dan jisim serta boleh menilai saiz objek di dunia sebenar.


SEA-PLM tidak mempunyai banyak item yang berada di akhir skala bawah dan tertakluk kepada perubahan. Murid yang berada dalam Band 4 dan ke atas SEA-PLM memiliki kecekapan matematik yang memenuhi Tahap 1 sekolah rendah. Murid di Band 3 dan ke bawah belum memenuhi standard walaupun telah menghadiri sekolah selama 5 tahun.

SDG 4.1.1b: Indikator penakrifan kecekapan minimum Matematik bagi akhir sekolah rendah.

Murid dapat menambah dan menolak nombor bulat dalam lingkungan 1,000 dan menunjukkan kemahiran dalam operasi mendarab hingga 10×10 , membahagi; menyelesaikan masalah mudah dalam kehidupan harian yang melibatkan nombor bulat menggunakan keempat-empat operasi matematik (mengikut tahun dan tahap kecekapan) dan mengenal pecahan setara yang mudah; memilih dan menggunakan pelbagai alat pengukur dalam mengukur dan membandingkan ukuran panjang, jisim dan isipadu; memahami perkaitan di antara unit masa seperti saat, minit, jam, hari, minggu, bulan dan tahun; mendapatkan maklumat daripada data yang diberi bagi menyelesaikan masalah; mengenal pasti dan menamakan bentuk dua dimensi berdasarkan huraian ciri-cirinya; dan mengaplikasi konsep kesetaraan dalam menentukan sesuatu nilai dalam ayat matematik.

(GAML, 2019, hlm.29)

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, murid Band 6 dan ke atas dalam SEA-PLM mempunyai kecekapan matematik yang memenuhi atau melebihi indikator SDG 4.1.1b. Rajah 4.6 menunjukkan pencapaian Malaysia berbanding indikator SDG. 64 peratus murid berada pada atau di atas SDG 4.1.1b dan jauh lebih baik daripada purata serantau (35%). Manakala 36 peratus murid Malaysia belum mencapai tahap SDG penghujung sekolah rendah.




Rajah 4.6: Peratus pencapaian literasi Matematik Malaysia berbanding SDG 4.1.1

Jadual 4.5: Peratus pencapaian Matematik di Malaysia berbanding SDG 4.1.1

	Band 3 dan ke bawah (Di bawah SDG 4.1.1a)	Band 4 atau 5 (SDG 4.1.1a dan ke atas, di bawah SDG 4.1.1b)	Band 6 dan ke atas (SDG 4.1.1b dan ke atas)
Malaysia	8	28	64
Purata 6 Negara	30	35	35

4.3 PENCAPAIAN MURID DALAM LITERASI MATEMATIK MENURUT JANTINA DAN LOKASI SEKOLAH

Rajah 4.7 menunjukkan purata skor skala bagi literasi Matematik SEA-PLM 2019 Malaysia berbanding skor purata serantau menurut jantina dan lokasi sekolah iaitu bandar atau sekolah luar bandar. Secara amnya terdapat jurang antara pencapaian murid bandar dan luar bandar manakala pencapaian murid perempuan dengan skor 316 lebih baik berbanding murid lelaki dengan jumlah 313 di Malaysia.



Rajah 4.7: Purata skor skala literasi Matematik berdasarkan kategori jantina dan lokasi sekolah

Sumber: *Southeast Asia Primary Learning Metrics 2019 (SEA-PLM) Malaysia National Report (2019)*

4.4 PENYEBARAN ITEM MENGIKUT KESUKARAN DAN KEUPAYAAN MURID

Item yang digunakan dalam literasi Matematik telah diukur serta ditentukan mengikut tahap kesukaran dan disusun daripada yang paling mudah (skor skala terendah) kepada yang paling sukar (skor skala tertinggi). Murid diletakkan pada skala yang sama mengikut ukuran kebolehan mereka.


Murid yang menduduki ujian ialah murid Tahun 5, namun penguasaan mereka mungkin berada di bawah atau melebihi tahap purata literasi Matematik untuk Tahun 5. Oleh itu ujian yang diambil perlu mengandungi pelbagai item dengan julat kesukaran yang sesuai. Sebaik-baiknya ujian tersebut mempunyai item yang agak mudah untuk dijawab oleh murid yang paling lemah, tetapi juga mengandungi item yang sukar supaya murid yang berkebolehan tinggi dapat menunjukkan kemampuan mereka.

Secara keseluruhannya bagi murid Malaysia, dapat dilihat bahawa item yang lebih sukar diperlukan bagi mencabar kebolehan mereka yang berada di kumpulan di bahagian atas skala Peta item individu (Rajah 2.8). Peta item individu ini menggambarkan skala literasi Matematik SEA-PLM 2019 secara visual. Maklumat di sebelah kanan mengandungi item, bernombor 1 hingga 60; item di bahagian atas adalah item yang agak sukar; item di bawah lebih mudah. Maklumat di sebelah kanan mengandungi X, yang setiap satu mewakili lebih kurang 5 orang murid yang mempunyai kebolehan yang sama. Murid

yang berada dalam lingkungan sebelah atas mempunyai keupayaan yang lebih tinggi; murid yang berada dalam lingkungan sebelah bawah mempunyai keupayaan yang lebih rendah.

Item 50 merupakan item paling mudah yang meminta murid mengenal pasti segiempat tepat. 97 peratus murid Malaysia dapat menjawab dengan betul, berbanding hanya 74 peratus purata serantau yang menjawab dengan betul.

Manakala item 20 yang merupakan item paling sukar yang memerlukan murid mencari panjang sisi yang sama bagi satu segitiga yang telah diberi panjang yang satu lagi dan perimeternya. 18 peratus murid Malaysia dapat menjawab item ini dengan betul berbanding 17 peratus purata serantau.



Rajah 4.8: Peta item individu yang menunjukkan keputusan literasi Matematik di Malaysia

BAB 5

KEWARGANEGARAAN GLOBAL

KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Kewarganegaraan Global adalah konsep baharu dan berkaitan kewarganegaraan dan sivik merentasi sempadan negara, dengan implikasi bahawa terdapat pelbagai isu yang menghubungkan antara satu dengan yang lain.

Matlamat SDG 4.7 adalah “memastikan semua murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan, gaya hidup, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, keamanan dan anti keganasan, Kewarganegaraan Global, menghargai kepelbagaian budaya dan sumbangannya kepada pembangunan mampan”.

Soal selidik Kewarganegaraan Global SEA-PLM 2019 dibangunkan melalui kerangka penilaian dan soal selidik kontekstual bagi mengisi jurang dalam penyelidikan Kewarganegaraan Global. Soal selidik ini juga membekalkan negara dan pihak berkepentingan dengan maklumat kualitatif dan kuantitatif baharu untuk membantu mencapai matlamat SDG 4.7. Semua konsep dan topik dalam soal selidik telah didefinisikan, direka dan diuji dengan kerjasama negara-negara Asia Tenggara yang mengambil bahagian. Soal selidik SEA-PLM 2019 juga telah dibangunkan berdasarkan konsep dan topik untuk menyokong keseluruhan domain dan sub-domain definisi Kewarganegaraan Global SEA-PLM 2019 iaitu ‘Warga global menghargai dan memahami perkaitan semua kehidupan di dunia ini. Mereka bertindak berdasarkan kefahaman ini untuk menjadikan dunia tempat yang lebih aman, sama, selamat dan mampan.’

Soalan-soalan dalam soal selidik ini telah dibangunkan berdasarkan dua sub-domain pengukuran yang dikenal pasti dalam kerangka Kewarganegaraan Global SEA- PLM 2019:

- i. Sikap dan nilai,
- ii. Orientasi positif termasuk penghargaan terhadap kepelbagaian,
- iii. Kesaksamaan dan hak asasi manusia,

- iv. Tingkah laku dan kemahiran,
- v. Aktiviti yang menjurus kepada perubahan positif.

Soalan juga dibangunkan dan dikategorikan berpandukan tiga sub-domain iaitu sistem, isu dan dinamik, identiti dan pelibatan.

Analisis deskriptif yang dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya membincangkan maklum balas guru dan murid dari Malaysia terhadap soalan. Dapatan membincangkan data, konsep dan penemuan daripada soal selidik pendidikan Kewarganegaraan Global SEA-PLM 2019 dengan enam negara serantau lain.


5.1 PERSEPSI TERHADAP PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

5.1.1 PERSEPSI MURID DAN GURU TERHADAP TOPIK KEWARGANEGARAAN GLOBAL YANG DIPELAJARI DI SEKOLAH

Murid diminta menjawab mengenai topik tertentu berkaitan Kewarganegaraan Global yang dipelajari di dalam kelas. Lebih separuh daripada murid dikenal pasti mempelajari ‘Beberapa’ hingga ke ‘Banyak’ semua topik di dalam kelas. Rajah 5.1 dan Jadual 5.1 menunjukkan data yang lebih terperinci.

Dalam topik yang berkaitan dengan pertimbangan interpersonal, 67 peratus murid dikenal pasti mempelajari topik menyelesaikan perselisihan faham dengan rakan sekelas dengan aman. 51 peratus murid melaporkan mereka faham bahawa pemahaman setiap orang adalah berbeza. 80 peratus murid dikenal pasti mempelajari topik alam sekitar. Topik yang paling kurang dipelajari adalah menyelesaikan dengan 35 peratus, manakala 28 peratus.

Pendedahan murid terhadap isu Kewarganegaraan Global di sekolah



Rajah 5.1: Peratus murid bersetuju topik Kewarganegaraan Global diajar di sekolah


Jadual 5.1: Peratus murid bersetuju topik Kewarganegaraan Global diajar di sekolah

Negara	Negara Berdekatan	Dunia	Negara lain yang terkesan	Perbezaan orang	Menyelesaikan perselisihan	Pencemaran dalam negara
Malaysia	54.2	55.5	45.8	51.0	67.3	69.5
Purata Serantau SEA-PLM	62.6	56.5	51.7	57.9	66.6	63.9

Negara	Pencemaran luar negara	Kehilangan sumber negara	Perubahan iklim	Penyelesaian masalah	Memelihara alam sekitar
Malaysia	50.1	42.3	66.3	34.9	80.0
Purata Serantau SEA-PLM	52.0	59.8	69.4	55.0	76.8

Semua sampel guru Tahun 5 dalam kajian ini disoal berkaitan pelibatan murid dalam aktiviti yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global pada tahun persekolahan semasa (Rajah 5.2). Dapatan menunjukkan majoriti guru iaitu 83 peratus melaporkan bahawa murid Tahun 5 mengambil bahagian paling banyak dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar manakala 74 peratus guru melaporkan murid melakukan aktiviti membantu golongan miskin atau kurang bernasib baik. Lebih separuh daripada guru iaitu 54 peratus

melaporkan murid mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan murid lain di dalam negara dan 47 peratus guru melaporkan murid terlibat dalam aktiviti meningkatkan fasiliti tempatan. Hanya 16 peratus guru melaporkan bahawa murid mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan murid di negara lain. Rajah 5.2 menunjukkan peratusan aktiviti Kewarganegaraan Global yang dijalankan di sekolah pada tahun semasa dilaporkan oleh guru.



Rajah 5.2: Peratusan aktiviti Kewarganegaraan Global yang dijalankan di sekolah pada tahun semasa dilaporkan oleh guru


Jadual 5.2: Peratusan aktiviti Kewarganegaraan Global yang dijalankan di sekolah pada tahun semasa dilaporkan oleh guru

Negara	Kemampuan Alam Sekitar	Membantu orang miskin atau golongan memerlukan	Murid lain dalam negara	Murid di negara lain	Meningkatkan fasiliti tempatan
Malaysia	83.0	74.1	53.5	16.4	46.8
Purata Serantau SEA-PLM	68.9	61.9	44.6	9.9	57.2

5.1.2 SIKAP MURID DAN GURU TERHADAP PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Murid disoal berkaitan kepentingan topik Kewarganegaraan Global yang diajarkan kepada mereka. Rajah 5.3 dan jadual 5.3 menunjukkan peratus murid bersetuju bahawa topik itu adalah 'Sangat penting' dan 'Cukup penting'. 93 peratus murid bersetuju topik yang paling penting adalah memelihara alam sekitar. Hanya 58 peratus murid menghargai pembelajaran bahasa di negara lain.

Terdapat beberapa persamaan topik yang dinilai negara-negara yang terlibat. Sebagai contoh, topik melindungi alam sekitar merupakan topik yang paling penting. Kebanyakan negara menghargai pembelajaran bahasa negara lain berbanding Malaysia yang paling rendah dalam aspek ini. Rajah 5.3 dan jadual 5.3 menunjukkan peratus murid yang bersetuju topik penting untuk dipelajari di sekolah.



Rajah 5.3: Peratus murid yang bersetuju topik penting untuk dipelajari di sekolah

Jadual 5.3: Peratus murid yang bersetuju topik penting untuk dipelajari di sekolah

Negara	Negara Berdekatan	Dunia	Negara lain yang terkesan	Memahami orang lain	Menyelesaikan perselisihan
Malaysia	81.9	87.2	79.1	74.5	86.0
Purata Serantau SEA-PLM	82.1	82.1	79.7	70.0	82.1


Negara	Memelihara alam sekitar	Membantu menyelesaikan masalah	Bahasa lain dalam negara	Bahasa- bahasa di negara lain
Malaysia	93.3	78.1	70.1	57.8
Purata Serantau SEA-PLM	89.2	82.5	73.3	64.2

Guru juga disoal kepentingan topik tertentu dalam pembelajaran murid Tahun 5 di sekolah. Jadual menunjukkan peratus guru yang bersetuju topik Kewarganegaraan Global adalah 'Sangat penting' dan 'Cukup penting'. Topik yang paling penting menunjukkan peratus paling tinggi adalah menyelesaikan perselisihan faham dengan rakan sekelas dan melindungi alam sekitar dengan 99 peratus bagi kedua-duanya. Topik yang paling kurang penting pada pandangan murid adalah mempelajari bahasa yang

dituturkan di negara lain dengan 72 peratus.

Terdapat perbezaan pendapat yang ketara antara guru di negara serantau dalam meletakkan kepentingan sesuatu topik. Walau bagaimanapun, semua guru di negara yang terlibat meletakkan penekanan untuk topik melindungi alam sekitar. Rajah 5.4 dan jadual 5.4 menunjukkan peratus guru berkaitan kepentingan pembelajaran Kewarganegaraan Global di sekolah.

Laporan guru berkaitan kepentingan mempelajari Isu Kewarganegaraan Global



Rajah 5.4: Peratus guru berkaitan kepentingan pembelajaran Kewarganegaraan Global di sekolah

Jadual 5.4: Peratus guru berkaitan kepentingan pembelajaran Kewarganegaraan Global di sekolah

Negara	Negara Berdekatan	Dunia	Negara lain yang terkesan	Memahami orang lain	Menyelesaikan perselisihan
Malaysia	92.5	92.7	93.8	98.1	98.5
Purata Serantau SEA-PLM	85.9	84.9	87.5	84.0	97.6


Negara	Memelihara alam sekitar	Membantu menyelesaikan masalah	Bahasa lain dalam negara	Bahasa- bahasa di negara lain
Malaysia	98.8	95.9	83.3	71.5
Purata Serantau SEA-PLM	98.9	93.6	84.8	73.2

5.1.3 SIKAP GURU MENGENAI KEMAHIRAN DAN NILAI KEWARGANEGARAAN GLOBAL MURID

Guru memberikan maklum balas berkaitan kepentingan murid meningkatkan kemahiran, nilai, dan ciri-ciri yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global seperti yang didefinisikan dalam kerangka SEA-PLM. 85 peratus guru bersetuju bahawa semua kemahiran sebagai 'Sangat penting' dan 'Cukup penting', tanpa mengira faktor sosial, penghargaan budaya lain

atau keinginan menjadikan dunia lebih baik. Aspek yang paling penting adalah menerima setiap orang adalah berbeza dengan 97 peratus dan hubungan dengan orang lain dengan 98 peratus. Manakala aspek yang tidak penting adalah keperluan untuk mencabar ketidakadilan dengan 87 peratus. Rajah 5.5 dan jadual 5.5 menunjukkan Peratus guru bersetuju berkaitan kepentingan kemahiran, nilai dan ciri-ciri Kewarganegaraan Global kepada murid.

Laporan guru berkaitan pembangunan kemahiran Kewarganegaraan Global



Rajah 5.5: Peratus guru bersetuju berkaitan kepentingan kemahiran, nilai dan ciri-ciri Kewarganegaraan Global kepada murid.

Jadual 5.5: Peratus guru bersetuju berkaitan kepentingan kemahiran, nilai dan ciri-ciri Kewarganegaraan Global kepada murid.

Negara	Rasa keterhubungan dengan orang lain	Minat terhadap dunia	Prihatin terhadap masalah orang lain	Ingin menjadikan dunia lebih baik	Bertindak menjadikan dunia lebih baik	Galakan untuk menjadikan dunia lebih baik
Malaysia	97.6	94.6	90.9	95.6	94.5	95.0
Purata Serantau SEA-PLM	96.1	93.4	84.6	95.0	94.3	93.6

Negara	Berfikir untuk melayan orang secara sama rata	Bersedia untuk melawan ketidakadilan	Bertindak untuk menyampaikan ketidakseimbangan	Menerima perbezaan individu	Isu tempatan yang mempunyai hubungan kait global	Menghargai budaya tradisional
Malaysia	95.9	86.9	90.4	96.6	95.0	97.7
Purata Serantau SEA-PLM	98.6	95.1	94.6	92.2	90.0	87.4

5.1.4 RINGKASAN PERSEPSI TERHADAP PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Dapatan menunjukkan wujud persamaan antara pandangan murid dan guru terhadap topik Kewarganegaraan Global yang perlu dipelajari di sekolah. Wujud juga persamaan pendapat antara murid dan guru dalam meletakkan keutamaan topik Kewarganegaraan Global di sekolah. Isu alam sekitar seperti melindungi alam sekitar, kelestarian alam sekitar dan topik tempatan yang berkaitan dengan persekitaran bilik darjah seperti menyelesaikan perselisihan faham dengan rakan sekelas dan menyelesaikan masalah dalam komuniti merupakan antara perkara yang wajib dipelajari bagi topik Kewarganegaraan Global di sekolah rendah.

Guru dan murid akan lebih terdedah dengan topik alam sekitar pada peringkat sekolah rendah sekiranya topik ini banyak dipelajari dalam mata pelajaran sains dan

sains sosial. Topik lain seperti isu interpersonal, acara antarabangsa dan serantau kurang mendapat perhatian lantaran pembelajaran mengenainya mungkin kurang jelas pada peringkat sekolah rendah.


Bagi topik menyelesaikan masalah dengan rakan sekelas dan melindungi alam sekitar adalah selari. Murid mengakui topik tersebut penting dan diajar dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat dua topik yang menunjukkan percanggahan iaitu pengaruh peristiwa yang berlaku di negara lain terhadap Malaysia dengan 33 peratus murid bersetuju topik ini penting tetapi tidak menunjukkan ia diajar di dalam bilik darjah. Situasi yang sama bagi topik isu semasa dunia, 32 peratus murid berpendapat topik tersebut penting tetapi tidak menunjukkan ia diajar di bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa lebih 30 peratus murid melihat topik tersebut penting untuk dipelajari tetapi tidak ditekankan di dalam kurikulum.

5.2 PERSEPSI ISU KEWARGANEGARAAN GLOBAL

5.2.1 SIKAP MURID TERHADAP ISU SOSIAL

Rajah 5.6 dan Jadual 5.6 menunjukkan peratus persetujuan murid mengenai isu-isu sosial. Kebanyakan pernyataan

mencatatkan peratusan melebihi 75 peratus. Pernyataan paling tinggi adalah masyarakat perlu melindungi alam sekitar dengan 95 peratus. Manakala pernyataan paling rendah ialah negara kaya mengawal negara miskin dengan 68 peratus.



Rajah 5.6: Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan isu sosial

Jadual 5.6: Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan isu sosial


Negara	Layanan sama rata mengikut etnik	Masyarakat melindungi alam sekitar	Dunia adalah tempat yang adil	Masyarakat berbeza latar belakang boleh bekerjasama	Negara kaya mengawal negara miskin	Kebebasan bersuara	Kerajaan bertanggungjawab melindungi persekitaran
Malaysia	88.3	94.6	83.0	79.4	67.8	81.5	76.8
Purata Serantau SEA-PLM	83.3	88.2	80.9	79.6	65.7	74.4	75.4

5.2.2 SIKAP MURID TERHADAP KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Rajah 5.7 dan Jadual 5.7 menunjukkan pendapat murid berkaitan isu kelestarian alam sekitar. Lebih 80 peratus murid bimbang untuk kebanyakan isu. Kira-kira 74 peratus murid mengambil berat tentang perubahan iklim manakala hanya 44 peratus murid mengambil berat dengan isu pencemaran di luar negara.

24 peratus murid bersetuju mereka kurang didedahkan dengan topik perubahan iklim. Data menunjukkan perkaitan antara perkara yang diketahui murid dengan prestasi pembelajaran terhadap literasi lain. Murid yang memenuhi tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam bacaan, penulisan dan matematik lebih mengetahui isu-isu kelestarian alam sekitar.

Peratus murid yang mengambil berat isu kelestarian alam sekitar



Rajah 5.7: Peratus murid yang mengambil berat tentang isu kelestarian alam sekitar

Jadual 5.7: Peratus murid yang mengambil berat tentang isu kelestarian alam sekitar

Negara	Pencemaran dalam negara	Pencemaran luar negara	Kekurangan kuasa	Kepupusan flora
Malaysia	80.9	44.4	83.9	86.0
Purata Serantau SEA-PLM	72.7	57.5	71.7	73.8

Negara	Kepupusan fauna	Kekurangan sumber semula jadi	Kekurangan sumber air	Perubahan iklim
Malaysia	85.8	87.8	89.0	74.4
Purata Serantau SEA-PLM	74.0	75.4	76.0	73.3


5.2.3 SIKAP MURID TERHADAP IDENTITI KEBANGSAAN DAN SERANTAU

Rajah 5.8 dan Jadual 5.8 menunjukkan pendapat murid berkaitan identiti Kebangsaan dan serantau. 85 peratus murid 'Bersetuju' atau 'Sangat bersetuju' mereka adalah sebahagian daripada negara mereka dan 76 peratus bersetuju banyak persamaan antara mereka dengan dengan murid lain. Manakala 44 peratus murid bersetuju wujudnya persamaan antara mereka dengan murid lain di Asia manakala 38 peratus setuju adanya persamaan antara mereka dengan dengan murid di luar Asia. Selain itu, hanya 52 peratus murid yang mengaku orang

Asia dan jumlah yang sama juga didapati dalam semua negara yang mengambil bahagian.

5.2.4 RINGKASAN PERSEPSI ISU KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Kesimpulan daripada soal selidik ini menunjukkan kebanyakan murid dan guru Tahun 5 mempunyai pengetahuan yang baik mengenai isu tempatan berbanding isu serantau dan global. Dapatan menunjukkan kurang daripada 60 peratus murid mengakui mereka sebagai orang Asia. Perspektif murid ini disokong dengan maklum balas guru Tahun 5 yang dilaporkan kurang yakin dengan topik sikap dan nilai di negara lain berbanding dengan isu tempatan dan isu bilik darjah.



Rajah 5.8: Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan identiti

Jadual 5.8: Peratus murid yang bersetuju dengan kenyataan identiti


Negara	Semangat kekitaan	Mengakui diri adalah orang Asia	Rasa adanya hubungan	Persamaan dengan murid lain	Persamaan dengan murid Asia lain	Persamaan dengan murid luar Asia
Malaysia	84.6	52.4	44.0	76.2	44.2	38.0
Purata Serantau SEA-PLM	81.8	58.7	58.2	75.6	54.0	47.3

5.3 PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KEWARGANEGARAAN GLOBAL

5.3.1 AKTIVITI SEKOLAH YANG BERKAITAN DENGAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Rajah 5.9 dan Jadual 5.9 menunjukkan peratus pelibatan mereka dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global. Aktiviti yang paling kerap dijalankan

adalah perkongsian idea bersama rakan sekelas dengan 67 peratus dan pengundian ketua kelas dengan 74 peratus. Hanya 21 peratus murid terlibat dalam aktiviti perbahasan dan 32 peratus melakukan perbincangan di dalam kelas mengenai masalah dunia. Keputusan ini adalah konsisten dengan kebanyakan negara lain yang mengambil bahagian.



Rajah 5.9: Peratus murid yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global

Jadual 5.9: Peratus murid yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global


Negara	Aktiviti debat	Perkongsian idea	Perbincangan di dalam kelas	Pengundian ketua kelas	Calon ketua kelas	Mewujudkan suasana mesra
Malaysia	21.0	66.8	32.0	73.7	35.3	51.3
Purata Serantau SEA-PLM	39.4	71.8	44.9	69.5	43.6	66.8

5.3.2 AKTIVITI SEKOLAH PADA MASA HADAPAN YANG BERKAITAN DENGAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Rajah 5.10 dan Jadual 5.10 menunjukkan pelibatan murid dalam aktiviti Kewarganegaraan Global yang ditawarkan di sekolah mereka. 83 peratus murid bersetuju bahawa mereka ‘mungkin’ dan ‘kemungkinan besar’ mengundi ketua kelas, 75 peratus mungkin akan menyertai sekumpulan

murid untuk menyokong isu yang mereka persetujui. Selain itu, lebih 56 peratus murid bersetuju jika dicalonkan menjadi ketua kelas atau berkongsi idea dalam perbincangan bilik darjah. Hanya 39 peratus murid didapati berminat untuk menyertai aktiviti bahas yang dianjurkan di sekolah. Pola maklum balas yang konsisten menunjukkan persamaan aktiviti yang menarik minat murid bagi semua negara terlibat.

Pelibatan murid dalam aktiviti Kewarganegaraan Global di sekolah pada masa hadapan



Rajah 5.10: Peratus murid yang akan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global pada masa akan datang

Jadual 5.10: Peratus murid yang akan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global pada masa akan datang


Negara	Aktiviti pengundian	Calon ketua kelas	Menyertai aktiviti berkumpulan	Menyertai aktiviti debat	Berkongsi idea dalam perbincangan kelas
Malaysia	82.7	56.6	75.2	38.7	59.0
Purata Serantau SEA-PLM	81.8	66.2	79.9	55.7	66.5

5.3.3 AKTIVITI AM YANG BERKAITAN DENGAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Murid disoal sama ada mereka akan terlibat dalam aktiviti berkaitan Kewarganegaraan Global. Lebih 80 peratus murid menunjukkan bahawa mereka boleh menyesuaikan diri dengan kebanyakan tingkah laku. Walau bagaimanapun, 68 peratus murid kurang berminat untuk berkawan dengan rakan dari negara lain manakala 69 peratus akan melindungi rakan sekelas yang dilayan teruk.

5.3.4 RINGKASAN PENGLIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Kebanyakan murid melaporkan bahawa mereka telah mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti sekolah yang berkaitan dengan pendidikan Kewarganegaraan Global. Selain itu, lebih ramai murid menunjukkan bahawa mereka akan terlibat dengan aktiviti Kewarganegaraan Global pada masa akan datang sekiranya diberi peluang. Kesimpulannya, aktiviti Kewarganegaraan Global bukan sahaja dapat membantu meningkatkan penglibatan murid di dalam kelas malah dapat mempromosikan lebih banyak aktiviti yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global di sekolah.



Rajah 5.11: Peratus pelibatan murid dalam aktiviti umum yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global.

Jadual 5.11: Peratus pelibatan murid dalam aktiviti umum yang berkaitan dengan Kewarganegaraan Global.

Negara	Berkongsi idea	Melindungi rakan sekelas	Membantu orang lain	Berkawan dengan rakan negara lain	Memberi sokongan	Menyertai aktiviti berkumpulan
Malaysia	85.9	69.3	82.5	67.8	82.4	81.8
Purata Serantau SEA-PLM	81.0	77.0	84.7	69.1	83.1	83.5


5.4 KEUPAYAAN GURU DALAM PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

5.4.1 PERSEDIAAN PRAPERKHIDMATAN UNTUK PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Guru disoal sejauh mana program praperkhidmatan telah menyediakan mereka untuk mengajar topik berkaitan Kewarganegaraan Global. Rajah 5.12 dan Jadual 5.12 menunjukkan kebanyakan guru (lebih 90 peratus)

merasakan mereka ‘Sangat baik’ atau ‘Cukup baik’ untuk mengajar setiap topik. 97 peratus guru beranggapan mereka telah bersedia dengan topik melindungi alam sekitar manakala 98 peratus menghormati kepelbagaian. 92 peratus guru beranggapan bahawa program praperkhidmatan pendidikan membantu mereka untuk mengajar berkaitan globalisasi dan keadaan global semasa.

Topik Kewarganegaraan Global dalam program praperkhidmatan guru



Rajah 5.12: Peratus guru yang bersedia mengajar topik Kewarganegaraan Global

Jadual 5.12: Peratus guru yang bersedia mengajar topik Kewarganegaraan Global

Negara	Keadaan semasa tempatan	Keadaan semasa global	Globalisasi	Hak murid	Melindungi alam sekitar	Pembangunan mampan
Malaysia	95.0	92.3	91.7	95.7	96.8	91.6
Purata Serantau SEA-PLM	92.1	83.9	79.8	97.0	97.1	94.1


Negara	Menghormati Kepelbagaian	Penyelesaian Konflik	Ketidaksamaan	Ketidakadilan	Keamanan dan konflik	Cabaran ketidaksamaan
Malaysia	97.9	95.5	94.1	93.7	94.3	92.9
Purata Serantau SEA-PLM	93.8	92.5	88.1	85.4	89.2	88.1

5.4.2 TAHAP KEYAKINAN GURU DALAM PENGAJARAN TOPIK KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Rajah 5.13 dan Jadual 5.13 menunjukkan peratus keyakinan guru untuk mengajar topik Kewarganegaraan Global. 95 peratus guru melaporkan bahawa mereka 'Sangat yakin' dan 'Cukup yakin' dalam

mengajar topik berkaitan keadaan tempatan semasa, 98 peratus yakin untuk mengajar melindungi alam sekitar, 95 peratus hak murid, 97 peratus menghormati kepelbagaian, 86 peratus pembangunan mampan, 87 peratus bagi keadaan global semasa dan 84 peratus berkaitan globalisasi.

Keyakinan guru dalam mengajar topik Kewarganegaraan Global



Rajah 5.13: Peratus guru yang yakin untuk mengajar topik Kewarganegaraan Global

Jadual 5.13: Peratus guru yang yakin untuk mengajar topik Kewarganegaraan Global

Negara	Keadaan semasa tempatan	Keadaan semasa global	Globalisasi	Hak murid	Melindungi alam sekitar	Pembangunan mampan
Malaysia	95.0	86.6	84.4	95.0	98.1	85.7
Purata Serantau SEA-PLM	92.6	77.2	75.0	97.1	97.9	91.6

Negara	Menghormati Kepelbagaian	Penyelesaian Konflik	Ketidaksamaan	Ketidakadilan	Keselamatan dan konflik	Cabaran ketidaksamaan
Malaysia	97.4	91.8	92.1	92.8	92.0	89.8
Purata Serantau SEA-PLM	93.0	92.0	89.2	88.9	89.7	86.0

5.4.3 RINGKASAN KEUPAYAAN GURU DALAM PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Kebanyakan guru menunjukkan bahawa mereka telah bersedia dan berasa yakin mengajar hampir semua topik yang disenaraikan dalam soal selidik. Melindungi alam sekitar dan menghormati kepelbagaian adalah topik yang paling bersedia dan yakin untuk diajar oleh guru semasa latihan praperkhidmatan.

Guru juga yakin untuk mengajar topik yang paling banyak dibincangkan dalam latihan praperkhidmatan. Perspektif guru didapati begitu selari. Maklumat penting berkaitan kesediaan guru melaksanakan aktiviti berkaitan topik di dalam kelas.

Secara umumnya guru dilaporkan kurang bersedia dan kurang yakin dengan topik yang merentas negara berbanding isu komuniti tempatan

dan bilik darjah. Dapatan ini adalah selari dengan pandangan kebanyakan murid Tahun 5 yang mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai isu-isu tempatan berbanding isu serantau dan global. Hasil daripada laporan ini, sekolah dan kementerian dapat merangka konsep serantau dan global dengan lebih baik di sekolah rendah dengan mengekalkan nilai kewarganegaraan dan kepercayaan budaya sebagai matlamat utama.

Dengan ini, negara serantau secara beransur-ansur dapat meningkatkan kesedaran guru dan murid berkaitan isu serantau dan dinamik di luar konteks masyarakat tempatan di akhir persekolahan sekolah rendah. Aktiviti bersesuaian disarankan dalam pembelajaran berkaitan literasi asas, sosial dan kewarganegaraan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan murid.

BAB 6

EKUITI PENDIDIKAN


EKUITI PENDIDIKAN

6.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan dari soal selidik ibu bapa, murid, guru dan sekolah yang ditadbir dalam SEA-PLM 2019 dan kaitannya dengan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Semua pembolehubah yang digunakan dalam analisis telah dibentangkan dalam bentuk kuartil untuk memudahkan perbandingan dibuat. Pembolehubah yang digunakan ialah status sosioekonomi (SES), pelibatan ibu bapa, keupayaan, jantina murid, saiz sekolah, dan bilangan sumber di kawasan setempat.

6.2 JANTINA MURID

Rajah 6.1 menunjukkan pencapaian murid Malaysia mengikut jantina berbanding purata SEA-PLM. Secara keseluruhannya, murid Malaysia menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam ketiga-tiga domain berbanding dengan purata SEA-PLM. Murid perempuan di Malaysia juga mencapai skor yang jauh lebih tinggi dalam ketiga-tiga domain berbanding murid lelaki. Jadual 6.1 hingga 6.3 menunjukkan data pencapaian murid dalam Bacaan dan Matematik mengikut tahap SDG dan jantina.



Rajah 6.1: Perbandingan Pencapaian mengikut jantina dalam ketiga-tiga domain

Jadual 6.1: Purata pencapaian murid mengikut jantina

Negara	Pencapaian murid mengikut jantina					
	Bacaan		Penulisan		Matematik	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Malaysia	314	323	312	323	313	316
Purata SEA-PLM	298	303	295	305	299	301

Jadual 6.2: Purata pencapaian literasi Bacaan mengikut tahap SDG dan jantina

Negara	Pencapaian murid mengikut SDG dan jantina			
	Bawah SDG		Atas SDG	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Malaysia	297	302	331	334
Purata SEA-PLM	288	292	326	327

Jadual 6.3: Purata pencapaian literasi Matematik mengikut tahap SDG dan jantina

Negara	Pencapaian murid mengikut SDG dan jantina			
	Bawah SDG		Atas SDG	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Malaysia	293	295	326	326
Purata SEA-PLM	286	287	321	321

Ralat standard dalam kurungan.

6.3 LATAR BELAKANG SOSIOEKONOMI DAN PENCAPAIAN

Latar belakang sosioekonomi boleh ditakrifkan sebagai menggabungkan pengaruh pendidikan, pekerjaan dan kekayaan (Hauser, 1994). Pengaruh latar belakang sosio-ekonomi murid boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam pelbagai bidang pembelajaran. Dalam SEA-PLM, soal selidik yang ditadbir merangkumi data daripada murid dan ibu bapa, iaitu maklumat tahap pendidikan murid, jenis pekerjaan ibu bapa murid, dan satu set soalan yang berkaitan dengan harta yang dimiliki dalam keluarga seperti merangkumi seperti rumah, kuantiti makanan yang dimakan di rumah, keadaan dinding di rumah, kadar pencahayaan yang masuk ke rumah, kemudahan utiliti seperti elektrik dan air, dan bilangan buku yang terdapat di rumah. Data ini akan digabungkan untuk membentuk indeks latar belakang sosioekonomi untuk SEA-PLM 2019.

Jadual 6.4 hingga 6.6 menunjukkan corak secara umum peningkatan tahap pencapaian berdasarkan kuartil indeks SES. Kuartil bawah mewakili peratus yang kurang daripada 25, kuartil kedua mewakili peratus antara 25 dan kurang daripada 50, kuartil ketiga mewakili peratus antara 50 dan kurang daripada 75 dan kuartil atas mewakili peratus yang lebih besar daripada atau sama dengan 75. Murid yang tergolong dalam kuartil bawah SES di Malaysia mempunyai tahap pencapaian terendah, manakala murid di Malaysia yang tergolong dalam kuartil teratas SES mempunyai tahap pencapaian yang tinggi. Corak ini selari dalam ketiga-tiga domain dapatan ini adalah selari dengan keputusan sebelumnya dari rantau ini yang mengetengahkan isu-isu ekuiti dalam persekolahan, iaitu murid daripada latar belakang keluarga yang kurang bernasib baik akan menunjukkan pencapaian pada tahap yang lebih rendah daripada rakan sebaya mereka daripada latar belakang SES yang lebih baik

Jadual 6.4: Pencapaian literasi Bacaan mengikut kuartil sosioekonomi

Negara	Sukuan bawah SES	Sukuan Kedua SES	Sukuan Ketiga SES	Sukuan Atas SES	Perbezaan Skor antara murid sukuan atas dengan murid sukuan bawah
	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Perbezaan Skor
Malaysia	309	316	323	328	20
Purata SEA-PLM	290	296	301	312	22

Jadual 6.5: Pencapaian literasi Penulisan mengikut kuartil sosioekonomi

Negara	Sukuan bawah SES	Sukuan Kedua SES	Sukuan Ketiga SES	Sukuan Atas SES	Perbezaan Skor antara murid sukuan atas dengan murid sukuan bawah
	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Perbezaan Skor
Malaysia	311	315	320	325	14
Purata SEA-PLM	291	297	301	311	20

Jadual 6.6: Pencapaian literasi Matematik mengikut kuartil sosioekonomi


Negara	Sukuan bawah SES	Sukuan Kedua SES	Sukuan Ketiga SES	Sukuan Atas SES	Perbezaan Skor antara murid sukuan atas dengan murid sukuan bawah
	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Skor Min	Perbezaan Skor
Malaysia	303	311	319	325	22
Purata SEA-PLM	291	296	301	312	21

6.4 PELIBATAN IBU BAPA / PENJAGA DALAM PERSEKOLAHAN MURID

Dalam soal selidik murid SEA-PLM, murid ditanya beberapa soalan mengenai aktiviti yang berkaitan dengan pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak mereka di rumah.

Rajah 6.2 menunjukkan peratusan murid yang melaporkan bahawa ibu bapa mereka terlibat setiap hari atau

hampir setiap hari dalam setiap aktiviti. Sebanyak 61 peratus murid di Malaysia melaporkan ibu bapa menyuruh melakukan kerja sekolah di rumah 49 peratus murid melaporkan ibu bapa mereka mendorong mereka untuk berjaya di sekolah. Kira-kira satu pertiga daripada murid di Malaysia melaporkan bahawa ibu bapa membantu mereka menyiapkan kerja sekolah di rumah.

Pelibatan ibu bapa dalam aktiviti murid**Rajah 6.2:** Peratus pelibatan ibu bapa dalam aktiviti murid

Jadual 6.7: Peratusan pelibatan ibu bapa dalam pelbagai aktiviti

Negara	Membuat Kerja Rumah	Berbincang pelajaran sekolah	Berbincang tugas di sekolah	Memeriksa kerja rumah	Membantu menyiapkan kerja rumah	Memberi motivasi
Malaysia	60.5	35.2	30.6	31.4	32.2	48.6
Purata SEA-PLM	46.1	34.3	32.0	35.8	26.8	47.1


6.5 MURID BERTUTUR DALAM BAHASA UJIAN

Latar belakang bahasa murid didapati dikaitkan dengan pencapaian pendidikan mereka (Elley, 1992; Kao, 2004; Kao & Thompson, 2003; Stanat & Christinsen, 2006). Sebanyak 80 peratus murid di Malaysia bertutur dalam bahasa ujian di rumah berbanding populasi SEA-PLM hanya 68 peratus.

Rajah 6.3 dan Jadual 6.9 menunjukkan pencapaian dalam matematik, bacaan dan penulisan bagi murid yang bertutur dalam bahasa yang diuji di rumah berbanding dengan murid yang bertutur dalam bahasa lain. Secara keseluruhan, murid yang bertutur dalam bahasa ujian di rumah memperoleh pencapaian yang lebih baik daripada murid yang bertutur dalam bahasa lain. Data bagi Rajah 6.3 ditunjukkan dalam Jadual 6.8.

Jadual 6.8: Peratus murid bertutur bahasa ujian di rumah

Negara	Murid bertutur bahasa ujian di rumah	Murid tidak bertutur bahasa ujian di rumah
Malaysia	80.0	20.0
Purata SEA-PLM	67.8	32.2

**Rajah 6.3:** Purata pencapaian mengikut bahasa pertuturan di rumah**Jadual 6.9:** Purata pencapaian murid mengikut bahasa pertuturan di rumah

Negara	Pencapaian murid mengikut bahasa pertuturan di rumah					
	Bacaan		Penulisan			Matematik
	Bahasa lain	Bahasa Ujian	Bahasa lain	Bahasa Ujian	Bahasa lain	Bahasa Ujian
Malaysia	309	321	312	319	310	316
Purata SEA-PLM	290	302	290	302	292	301


6.6 PERSEDIAAN KE SEKOLAH

Perkembangan kanak-kanak bermula sejak lahir sehingga umur 5 tahun. Kemasukan kanak-kanak ke dalam program prasekolah yang berkualiti memberikan kesan positif kepada akademik dan emosi sosial murid. (Bakken, Brown, & Downing, 2017; Trawick-Smith, 2014). Walaupun jenis pendidikan prasekolah adalah berbeza, kebanyakannya memasukkan murid ke prasekolah di negara membangun telah dibuktikan dalam penilaian skala besar yang lain (EQAP, 2019). Data secara kuantitatif dan kualitatif menunjukkan kanak-kanak yang tergolong dalam keluarga ekonomi

rendah bersedia dalam melakukan aktiviti sekolah yang terhad (Brophy, 2006).

6.6.1 PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Ibu bapa murid yang mengambil bahagian dalam SEA-PLM dikehendaki memberi respon tentang penyertaan anak mereka dalam prasekolah. Rajah 6.4 dan Jadual 6.10 menunjukkan 98 peratus murid di Malaysia mengikuti pendidikan prasekolah sebelum memasuki Tahun 1 berbanding 74 peratus murid dalam populasi SEA-PLM.



Rajah 6.4: Peratus penyertaan prasekolah

Jadual 6.10: Peratus penyertaan prasekolah

Negara	Peratus penyertaan		
	Penyertaan 2 tahun dan lebih	Penyertaan setahun	Tidak menyertai
Malaysia	78.8	19.6	1.6
Purata SEA-PLM	48.6	25.4	26.0


Rajah 6.5 dan Jadual 6.10 menunjukkan pencapaian dalam Matematik, Bacaan dan Penulisan bagi murid yang mengikut prasekolah berbanding mereka yang tidak. Murid yang mengikut prasekolah mempunyai tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam ketiga-tiga domain berbanding mereka yang tidak mengikut prasekolah.

6.6.2 KESEDIAAN KE SEKOLAH

Untuk memperkukuhkan bahawa wujudnya hubungan antara kebolehan sedia ada dan tahap pencapaian semasa kanak-kanak, ibu bapa diminta

untuk menyedarkan keupayaan membaca, menulis dan mengira anak-anak mereka sebelum memasuki Tahun 1 seperti berikut:

- Mengenal kebanyakan abjad
- Membaca beberapa perkataan
- Menulis abjad
- Menulis beberapa perkataan
- Mengira sendiri sehingga 10
- Mengenal pelbagai bentuk (contoh segi empat sama, segi tiga, bulatan)
- Menulis nombor dari 1-10
- Mengenal warna
- Mengenal nama
- Menulis nama sendiri
- Membuat penambahan mudah




Rajah 6.5: Purata pencapaian murid mengikut penyertaan prasekolah

Jadual 6.11: Purata pencapaian murid mengikut penyertaan prasekolah

	Purata pencapaian murid mengikut kehadiran Prasekolah					
	Bacaan		Penulisan		Matematik	
Negara	Tidak Menyertai	Menyertai	Tidak Menyertai	Menyertai	Tidak Menyertai	Menyertai
Malaysia	305	319	305	317	302	315
Purata SEA-PLM	294	302	293	302	294	302

Rajah 6.6 dan Jadual 6.12 menunjukkan keupayaan murid melakukan sama ada perkara asas dalam membaca, menulis dan mengira lebih atau kurang daripada 10. Rajah 6.6 menunjukkan nisbah murid yang mempunyai 10 atau lebih kecekapan lain dalam literasi Matematik, Bacaan dan Penulisan dengan murid yang

mempunyai kurang daripada 10 kecekapan. Secara purata, murid di Malaysia yang mempunyai 10 atau lebih kecekapan memperoleh pencapaian yang lebih tinggi dalam Matematik, Bacaan dan Penulisan berbanding dengan murid yang mempunyai kurang daripada 10 kecekapan. Corak ini selari dengan populasi SEA-PLM.



Rajah 6.6: Pencapaian murid mengikut keupayaan melakukan perkara asas dalam membaca, menulis dan mengira


Jadual 6.12: Pencapaian murid mengikut keupayaan melakukan perkara asas dalam membaca, menulis dan mengira

Negara	Pencapaian murid mengikut kemampuan					
	Bacaan		Penulisan		Matematik	
	Kurang daripada 10 tugas	10 tugas atau lebih	Kurang daripada 10 tugas	10 tugas atau lebih	Kurang daripada 10 tugas	10 tugas atau lebih
Malaysia	304	321	306	319	301	317
Purata SEA-PLM	294	302	295	302	295	302

6.6.3 PERSEPSI MURID TERHADAP IKLIM BILIK DARJAH

Rajah 6.7 dan jadual 6.13 menunjukkan data tentang iklim bilik darjah dari persepsi murid mereka, data kekerapan guru lewat masuk ke dalam kelas, kekerapan guru terpaksa menunggu untuk murid senyap dan kekerapan tidak hadir ke kelas untuk mengajar. Secara purata di seluruh rantau,

lebih separuh daripada murid melaporkan bahawa guru mereka lewat ke kelas, sekitar 6 daripada 10 murid melaporkan bahawa guru mereka mengambil masa yang lama untuk menguruskan kelas supaya senyap dan kira-kira 2 daripada 5 murid melaporkan bahawa guru mereka tidak hadir ke kelas. Dapatan yang sama dilaporkan oleh murid di Malaysia.



Rajah 6.7: Persepsi murid terhadap guru tentang iklim bilik darjah


Jadual 6.13: Persepsi murid terhadap guru tentang iklim bilik darjah

	Peratus persepsi murid terhadap guru		
	Laporan murid tentang kekerapan:		
Negara	Guru lewat	Guru mengambil masa yang lama untuk menguruskan kelas	Guru tidak hadir
Malaysia	64.2	73.9	38.1
Purata SEA-PLM	53.5	62.5	40.4

6.6.4 PERSEPSI GURU TERHADAP IKLIM BILIK DARJAH

Rajah 6.8 dan Jadual 6.14 menunjukkan data berkaitan sejauh mana satu set isu yang berbeza mempengaruhi pembelajaran murid mengikut persepsi guru. Secara purata, 2 daripada 3 murid hadir ke sekolah. Guru melaporkan 70 peratus murid di Malaysia hadir ke sekolah dan

ini selari dengan populasi SEA-PLM. Manakala, 60 peratus murid kekurangan pengetahuan atau kemahiran asas kerana kurang minat. Guru di Malaysia juga melaporkan tahap kesihatan yang kurang baik, gangguan, ketidakhadiran, kelaparan dan kurang tidur sebagai isu yang menjejaskan murid mereka berbanding populasi SEA-PLM.



Rajah 6.8: Peratus laporan guru tentang isu yang mempengaruhi murid

Jadual 6.14: Peratus laporan guru tentang isu yang mempengaruhi murid


	Peratus isu yang mempengaruhi murid						
	Penunjuk indikasi persetujuan guru terhadap isu yang mempengaruhi murid						
Negara	Kurang pengetahuan asas	Kurang minat	Tahap Kesihatan kurang baik	Mengganggu dalam kelas	Tidak hadir	Lapar dalam kelas	Kurang tidur
Malaysia	73.4	60.0	29.3	38.9	37.0	17.0	20.0
Purata SEA-PLM	74.1	62.8	52.5	41.1	46.8	33.9	32.5

6.6.5 CIRI-CIRI GURU BESAR SEKOLAH

Rajah 6.9 dan Jadual 6.15 menunjukkan peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar di seluruh populasi SEA-PLM dan Malaysia. Di sekolah SEA-PLM dan Malaysia, majoriti murid hadir jika guru besar adalah lelaki dan berumur antara 45-54 tahun atau 55 tahun ke atas.

Peratus murid di Malaysia yang bersekolah di sekolah yang guru besar berumur 35-44 tahun atau lebih muda adalah lebih rendah berbanding populasi SEA-PLM. Lebih 80 peratus murid di Malaysia hadir ke sekolah yang guru besar mempunyai ijazah universiti atau lebih tinggi berbanding 70 peratus bagi purata SEA-PLM.

Peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar



Rajah 6.9: Peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar

Jadual 6.15: Peratus murid menghadiri sekolah mengikut ciri-ciri guru besar

Negara	Peratus ciri-ciri guru besar								
	Jantina		Kumpulan umur				Kelayakan tertinggi		
	Perempuan	Lelaki	Bawah 35	35-44	45-54	≥55	SPM/MCE atau lebih rendah	Sijil atau Diploma	Sarjana Muda atau lebih tinggi
Malaysia	40.7	59.3	0.7	3.7	56.1	39.6	8.2	7.8	84.0
Purata SEA-PLM	44.2	55.8	8.9	19.4	49.4	22.3	13.1	17.0	69.9

BAB 7

IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN UNTUK MALAYSIA

IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN UNTUK MALAYSIA

Keputusan SEA-PLM dalam literasi Bacaan, literasi Penulisan dan literasi Matematik menunjukkan terdapat keperluan mewujudkan program dan intervensi kepada murid berprestasi rendah di Malaysia. Program dan intervensi murid ini sangat penting dan perlu dirancang seawal mungkin bagi membantu murid dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sokongan tambahan dan program pemulihan yang intensif perlu dibuat bagi memastikan mereka mencapai tahap kemahiran yang mencapai keperluan masa hadapan mereka. Di samping itu, murid yang berprestasi tinggi iaitu melepasi standard Tahun 5 memerlukan program lanjutan yang bersesuaian untuk memastikan mereka terus meningkatkan kemahiran sedia ada.

Justeru, pemantauan sistematik terhadap keberhasilan murid yang berkaitan kurikulum dan pengajaran penting untuk memastikan keperluan pembelajaran murid dicapai. Antara langkah penting untuk menangani keperluan ini ialah memahami apa yang murid tahu dan boleh buat, supaya guru boleh membantu murid secara efektif untuk peningkatan kemahiran ke aras yang lebih tinggi.

Dapatan kajian SEA-PLM juga menunjukkan faktor latar belakang yang berkaitan dengan rumah dan sekolah turut memainkan peranan penting dalam kejayaan persekolahan murid. Murid yang mempunyai bahan sumber yang lebih baik di rumah dan bersekolah dalam kejiranan yang lebih baik, berupaya mencapai keputusan yang lebih baik dalam ketiga-tiga domain kognitif SEA-PLM.

Keputusan ini mengukuhkan lagi dapatan daripada kajian antarabangsa yang lain berkaitan pembelajaran murid, termasuk kepentingan pelibatan ibu bapa dalam pembelajaran, pendidikan awal kanak-kanak, persekitaran pembelajaran di rumah dan memastikan semua murid mendapat akses kepada bahan dan kemudahan pendidikan asas pembelajaran. Walaupun faktor sosioekonomi bukan sesuatu yang boleh diubah, terdapat faktor lain yang sekiranya difahami dan dikenal pasti, boleh ditangani pada peringkat sistem dan dasar, juga melalui perubahan amalan di sekolah dan rumah.

Justeru itu, enam cadangan dicadangkan untuk Malaysia.

Cadangan 1: Mengutamakan pendidikan awal kanak-kanak dalam konteks kumpulan kurang bernasib baik.

- Bagi kumpulan yang tidak bertutur bahasa yang sama di sekolah dan di rumah seperti murid Orang Asli, percubaan pendekatan baharu dalam pendidikan awal kanak-kanak perlu dilakukan dan memerlukan kerjasama erat antara komuniti dan ibu bapa.

Cadangan 2: Permulaan pendidikan sekolah rendah pada usia yang sepatutnya untuk semua kanak-kanak, terutama murid yang kurang bernasib baik.

- Merangka dan membangunkan program baharu untuk membantu murid Orang Asli.
- Menyemak semula dan menambah baik strategik sekolah kebangsaan.

Cadangan 3: Memastikan standard pembelajaran yang eksplisit dan progresif dalam kurikulum pendidikan asas, termasuk pembelajaran digital dan pilihan pembelajaran gabungan.

- Memadankan kurikulum kebangsaan sekolah rendah dengan kerangka penguasaan kemahiran peringkat antarabangsa bagi mengenal pasti potensi jurang dan kekuatan kurikulum kebangsaan. Penilaian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam menjangkakan pencapaian murid pada penghujung sekolah rendah boleh dikenal pasti dan diukur dengan jelas.
- Memadankan kurikulum kebangsaan dengan skala aras penguasaan SEA-PLM untuk literasi Bacaan, literasi Penulisan dan literasi Matematik bagi mengenal pasti hubungan dan perbezaan dalam kurikulum Malaysia berbanding negara peserta SEA-PLM yang lain.

Cadangan 4: Membantu guru yang berpengalaman dan bermotivasi dengan persekitaran pengajaran yang kondusif dan positif.

- Membangunkan pendekatan model pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran dalam talian iaitu meletakkan pengajaran teknologi dan dapat dilaksanakan dari rumah dan di sekolah.
- Menyemak semula dasar kebangsaan terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan memasukkan pengajaran dan pembelajaran digital.
- Mengaitkan kandungan kelestarian global dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan dalam buku panduan Bahagian Pembangunan Kurikulum berkenaan Kelestarian Global (2016).

Cadangan 5: Menggunakan data, pemantauan dan penyelidikan untuk mendapatkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik.

- Menambah baik buku panduan Pentaksiran Bilik Darjah (2018) bagi menilai prestasi murid dengan lebih baik mengikut standard dan penanda aras yang dipersetujui.
- Memperkukuh pentaksiran berasaskan sekolah termasuk membangunkan sistem dan program bagi menilai prestasi dan kebolehan murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran.
- Menyokong sistem pentaksiran digital.

Cadangan 6: Menyokong strategi membangunkan sistem pendidikan yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi krisis dan keterpencilan murid, termasuk peluang dan cabaran yang timbul dalam pasca pandemik COVID-19.

- Disebabkan impak COVID-19, sokongan dalam bentuk akses yang lebih baik kepada guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian perlu diberikan. Ini boleh dilakukan dengan membangunkan sistem pendidikan mampan yang menggalakkan penggunaan teknologi digital yang berinovatif dalam amalan pengajaran dan pembelajaran, khususnya bagi sekolah rendah.
- Memperluaskan dasar berkaitan dengan Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan Malaysia melalui peningkatan literasi digital dan menyediakan akses kepada infrastruktur pendidikan maya di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar, khususnya bagi sekolah rendah.
- Menyokong strategi dalam memperkukuhkan kesihatan mental murid dan guru.

Menangani jurang pembelajaran bagi kebanyakan kanak-kanak terpinggir dan kurang bernasib baik di Malaysia merupakan satu cabaran yang kompleks. Agenda pembaharuan yang sistematik diperlukan dengan mengambil kira keseluruhan aspek kanak-kanak termasuk latar belakang murid, guru, bilik darjah, sekolah dan komuniti di mana kesemuanya merupakan faktor yang saling berkait dalam menangani jurang pembelajaran di Malaysia. Dapatan yang ditaksir oleh SEA-PLM memberikan pemahaman yang luas tentang kepelbagaian faktor yang menyumbang kepada kejayaan kanak-kanak di sekolah. Oleh itu, sebarang inisiatif pembaharuan dasar mestilah komprehensif seiring dengan hasil pembelajaran untuk semua kanak-kanak di Malaysia.

BAB 8

KAJIAN LANJUTAN THE SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS (SEA-PLM) 2019: FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID TAHUN 5

KAJIAN LANJUTAN THE SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS (SEA-PLM) 2019: FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID TAHUN 5

1. PENGENALAN

Sejak pengumuman pencapaian Malaysia dalam SEA-PLM 2019 pada Disember 2020, beberapa analisis lanjutan terhadap data kebangsaan telah dilaksanakan antaranya perbandingan pencapaian antara murid lelaki dengan murid perempuan, isu dan cabaran dalam menangani murid berprestasi rendah dalam Bacaan, sokongan kepada guru dalam meningkatkan pembelajaran murid, serta analisis item ujian dengan pemetaan kurikulum kebangsaan peringkat rendah.

Cabaran dalam meningkatkan kemahiran membaca murid dilihat sebagai usaha yang perlu diberi keutamaan. Oleh itu, pada tahun 2021, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah melaksanakan satu kajian lanjutan yang bertajuk Kajian Lanjutan SEA-PLM 2019: Faktor yang Menyumbang kepada Penguasaan Kemahiran Membaca Murid Tahun 5.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian tersebut dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

2.1 mengenal pasti pencapaian murid dalam domain membaca SEA-PLM 2019 berdasarkan latar belakang keluarga, persediaan awal ke sekolah, pemilikan komputer/ komputer riba dan akses internet di rumah, pelibatan ibu bapa/penjaga dan sikap murid terhadap sekolah; dan

2.2 mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk *mixed method* bagi pengumpulan dan penganalisan data seperti yang berikut:

3.1 Kaedah kuantitatif:

- a. analisis data sekunder SEA-PLM 2019 melibatkan 160 orang guru besar, 1,296 orang guru Tahun 5 yang mengajar bahasa Melayu/ bahasa Cina/ bahasa Tamil, 4,479 orang murid Tahun 5 dan 4,415 orang ibu bapa/penjaga; dan
- b. kajian lapangan tahun 2021, iaitu pentadbiran soal selidik melibatkan 266 orang guru Tahun 5 bahasa Melayu SK, bahasa Cina SJKC dan bahasa Tamil SJKT, dan 1,996 orang murid Tahun 5 SK, SJKC dan SJKT daripada 76 buah sekolah sampel SEA-PLM 2019 dipilih secara rawak sebagai responden.

3.2 Kaedah kualitatif: kajian lapangan tahun 2021, iaitu pentadbiran temu bual melibatkan 13 orang pentadbir sekolah, 13 orang Ketua Panitia Bahasa Melayu SK, bahasa Cina SJKC dan bahasa Tamil SJKT, 14 orang guru Tahun 5 bahasa Melayu SK, bahasa Cina SJKC dan bahasa Tamil SJKT, 10 orang guru perpustakaan dan media, 14 orang ibu bapa/penjaga dan 12 orang SISC+ Bahasa.

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Faktor yang menyumbang kepada pencapaian murid Tahun 5 dalam domain Bacaan SEA-PLM 2019

4.1.1 Latar belakang keluarga

Aspek latar belakang keluarga merujuk kepada tahap pendidikan ibu bapa/penjaga, status sosioekonomi (SES) dan bahasa pertuturan utama di rumah. Pencapaian murid dalam domain membaca bagi ibu bapa/penjaga murid yang memiliki kelayakan ijazah sarjana muda atau lebih tinggi adalah lebih tinggi sebanyak 22 mata skor berbanding ibu bapa/penjaga yang memiliki tahap pendidikan yang lebih rendah atau tidak bersekolah. Seterusnya, murid daripada latar belakang SES yang tinggi juga memperoleh pencapaian 20 mata skor lebih tinggi dalam domain membaca berbanding dengan murid daripada latar belakang SES yang rendah. Pencapaian murid yang bertutur bahasa yang sama di rumah dan di sekolah juga adalah lebih tinggi sebanyak 12 mata skor berbanding murid yang bertutur bahasa yang berbeza di rumah dengan di sekolah.

4.1.2 Pelibatan ibu bapa/penjaga

Bagi aspek pelibatan ibu bapa/penjaga, dapatan menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam domain membaca adalah 13 mata skor lebih tinggi apabila tahap pelibatan ibu bapa/penjaga adalah tinggi dalam pembelajaran mereka berbanding dengan tahap pelibatan ibu bapa/

penjaga yang rendah dalam pembelajaran anak mereka.

4.1.3 Persediaan awal sebelum memasuki Tahun 1 persekolahan

Pencapaian murid dalam domain membaca SEA-PLM 2019 dianalisis berdasarkan persediaan awal ke sekolah, iaitu mengikuti pendidikan prasekolah dan kebolehan melakukan lebih dari 10 tugas 3M (membaca, menulis dan mengira) sebelum memasuki Tahun 1. Dapatan menunjukkan murid yang mengikuti pendidikan prasekolah memperoleh pencapaian sebanyak 14 mata skor lebih tinggi berbanding dengan murid yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah. Selain itu, pencapaian murid yang dapat melakukan lebih dari 10 tugas 3M sebelum memasuki tahun satu adalah 17 mata skor lebih tinggi berbanding dengan murid yang hanya dapat melaksanakan kurang daripada 10 tugas 3M.

4.1.4 Pemilikan komputer dan akses internet di rumah

Pencapaian murid yang memiliki komputer di rumah adalah lebih tinggi sebanyak 14 mata skor berbanding dengan murid yang tidak memiliki komputer di rumah. Selain itu, pencapaian murid dalam domain membaca apabila dikaitkan dengan pemilikan akses internet di rumah juga adalah lebih tinggi sebanyak 11 mata skor berbanding dengan murid yang tidak memiliki akses internet di rumah.

4.1.5 Sikap murid terhadap sekolah

Pencapaian murid yang bersikap positif terhadap sekolah adalah lebih tinggi sebanyak 6 mata skor berbanding dengan murid yang tidak bersikap positif terhadap sekolah.

4.2 Faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5

4.2.1 Sikap murid

Sikap murid merujuk kepada sikap murid terhadap sekolah, sikap murid terhadap membaca dan kekerapan membaca berdasarkan jenis bahan bacaan. Secara keseluruhannya, daripada skor penuh 4, nilai skor min sikap murid terhadap sekolah adalah 3.23 (tinggi), sikap murid terhadap membaca adalah 2.80 (sederhana). Manakala daripada skor penuh 5, nilai skor min bagi kekerapan membaca bahan bercetak adalah 2.02 (rendah) dan kekerapan membaca bahan digital adalah 3.23 (sederhana).

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun murid mempunyai sikap yang positif terhadap sekolah tetapi sikap murid terhadap membaca hanya berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa kekerapan murid membaca bahan bercetak adalah lebih rendah berbanding bahan digital.

Dapatan temu bual dengan SISC+ Bahasa dan guru perpustakaan dan media menunjukkan bahawa murid

lebih gemar membaca komik dan bahan daripada internet kerana animasi dan grafik yang menarik. Guru perpustakaan dan media turut menyatakan bahawa jenis bahan bacaan yang digemari oleh murid bergantung kepada aras kemahiran membaca mereka. Mereka juga berpandangan bahawa bahan bacaan seperti komik kurang membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid kerana penggunaan bahasa pasar dan teks yang agak pendek.

4.2.2 Pendidikan prasekolah

Pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa/penjaga bersetuju bahawa murid yang mengikuti pendidikan prasekolah telah menguasai kemahiran asas membaca, sama ada mengenal huruf, membaca suku kata, mengeja atau boleh membaca dengan lancar sebelum memasuki tahun satu berbanding murid yang tidak mengikuti pendidikan prasekolah.

4.2.3 Bahasa pertuturan utama di rumah

Dapatan temu bual bersama-sama dengan SISC+ Bahasa, pentadbir sekolah, ketua panitia, guru dan ibu bapa/penjaga mendapati bahawa ibu bapa/penjaga menghantar anak mereka ke sekolah yang menggunakan bahasa pengantar berbeza dengan bahasa utama di rumah dengan tujuan anak mereka boleh menguasai pertuturan dalam bahasa tersebut. Namun, mereka mendapati bahawa

murid yang menggunakan bahasa pertuturan yang berbeza di rumah dan di sekolah menghadapi cabaran untuk menguasai kemahiran membaca dalam bahasa kedua. Ini adalah kerana mereka hanya berpeluang bertutur bahasa tersebut di sekolah.

4.2.4 Sokongan ibu bapa/penjaga

Sokongan ibu bapa/penjaga merujuk kepada sikap dan pelibatan mereka dalam pembelajaran anak di rumah dan bilangan buku yang disediakan di rumah. Secara keseluruhannya, daripada skor penuh 4, nilai skor min sikap ibu bapa/penjaga terhadap sekolah ialah 3.06 (tinggi) dan pelibatan ibu bapa penjaga dalam pembelajaran anak di rumah adalah 2.84 (tinggi). Dapatan ini menunjukkan ibu bapa/penjaga mempunyai sikap yang positif terhadap sekolah dan mengambil berat terhadap pembelajaran anak mereka di rumah.

Bagi bilangan buku di rumah pula, dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 34% murid hanya memiliki buku yang cukup untuk memenuhi satu rak, iaitu antara 11 hingga 25 buah buku. Manakala hanya sebanyak 4.5% murid yang mempunyai bilangan buku yang cukup untuk memenuhi tiga atau lebih almari buku, iaitu lebih daripada 200 buah buku. Dapatan temubual dengan ibu bapa/penjaga mendapati bahawa penyediaan bahan bacaan untuk anak, kekerapan

membaca bersama-sama dengan anak, dan ibu bapa/penjaga sebagai *role model* membaca membantu penguasaan kemahiran membaca anak mereka.

Dapatan temu bual dengan pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa/penjaga mendapati bahawa pelibatan ibu bapa/penjaga dalam pembelajaran anak mereka di rumah adalah kurang kerana keterbatasan waktu ibu bapa/penjaga meluangkan masa dengan anak mereka serta terdapat ibu bapa/penjaga yang kurang mahir dan berpengetahuan untuk membimbing anak mereka.

4.2.5 Aras Penguasaan Kemahiran Membaca Murid

Nilai skor min keseluruhan bagi persepsi murid terhadap kemahiran membaca mereka adalah 2.82 (tinggi) daripada skor penuh 4. Nilai skor min ini adalah berdasarkan petunjuk tahap iaitu sangat rendah (1.00 – 1.60), rendah (1.61 – 2.20), sederhana (2.21 – 2.80), tinggi (2.81 – 3.40), dan sangat tinggi (3.41 – 4.00). Nilai skor min tersebut diperoleh daripada respon murid melalui pernyataan item soal selidik seperti yang berikut:

- i. "saya boleh memahami isi kandungan teks yang sukar" (2.63 - sederhana);
- ii. "saya boleh memahami maksud ayat yang dibaca" (2.60 - sederhana); dan
- iii. "saya boleh menjawab soalan tentang sesuatu teks" (2.30 - sederhana).

Dapatan ini bermaksud bahawa walaupun secara keseluruhannya murid boleh membaca, namun kemahiran pemahaman membaca dan keyakinan menjawab soalan tentang sesuatu teks berada pada tahap sederhana.

Daripada perspektif guru pula, sebanyak 88.3% guru menyatakan cabaran yang dihadapi oleh murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran membaca adalah memahami maksud perkataan/ ayat/ petikan teks, diikuti dengan sebanyak 64.7% guru menyatakan murid mempunyai cabaran dalam menaakul dan mentafsir petikan teks/ soalan dan sebanyak 55.3% guru melaporkan murid masih tidak boleh membaca dengan lancar. Rajah 8.13 memperincikan peratusan respon guru terhadap cabaran yang dihadapi oleh murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran membaca.

Dapatan temu bual bersama-sama dengan guru adalah selari dengan dapatan soal selidik murid dan guru bahawa murid menghadapi cabaran memahami petikan teks yang panjang, tersirat dan beraras tinggi. Hasil analisis temu bual juga mendapati bahawa murid kurang menguasai kemahiran menaakul dan mentafsir maklumat daripada bahan grafik seperti graf, carta pai dan jadual.

Dapatan temu bual bersama-sama ibu bapa/penjaga

menunjukkan bahawa murid yang menggunakan bahasa pertuturan yang berbeza di sekolah dan di rumah menghadapi cabaran untuk menguasai kemahiran membaca dalam bahasa kedua. Ini kerana mereka hanya bertutur bahasa tersebut di sekolah dan kurang membaca serta kurang bahan bacaan di rumah dalam bahasa kedua.

4.2.6 Kaedah pengajaran dan pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada penekanan kemahiran membaca, kekerapan aktiviti membaca, dan kekerapan tugas pemahaman dilakukan dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, daripada skor penuh 4, nilai skor min penekanan kemahiran membaca adalah 3.18 (tinggi), kekerapan aktiviti membaca adalah 3.18 (tinggi) dan kekerapan tugas pemahaman adalah 3.16 (tinggi). Dapatan ini menunjukkan daripada perspektif guru tahap penekanan kemahiran membaca, kekerapan aktiviti membaca dan kekerapan tugas pemahaman dalam bilik darjah adalah tinggi. Walau bagaimanapun ini tidak selari dengan dapatan SEA-PLM 2019 yang menunjukkan masih ada murid Tahun 5 yang tidak memenuhi aras penguasaan minimum membaca. Rajah 8.10 memperincikan skor min persepsi guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.

Temu bual bersama-sama SISC+ Bahasa, ketua panitia dan guru menunjukkan bahawa pedagogi terbeza kurang diamalkan dalam bilik darjah kerana guru kurang menguasai dan memahami konsep pedagogi terbeza, kurang menguasai dan memahami konsep merungkai dan merangkai kurikulum serta keterbatasan waktu untuk melaksanakan pedagogi terbeza (Rajah 8.11).

Guru juga didapati kurang mahir melaksanakan aktiviti pemulihan dalam bilik darjah. Selain itu, keterbatasan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga mengehadkan peluang guru melaksanakan aktiviti pemulihan kepada murid yang memerlukan. Manakala, ketiadaan perjawatan guru pemulihan untuk bahasa Cina dan bahasa Tamil merupakan cabaran di SJKC dan SJKT kerana cabaran penguasaan kemahiran membaca bukan sahaja dihadapi oleh murid yang bahasa pertuturan utama di rumah adalah berbeza dengan di sekolah, bahkan juga kepada murid yang mempunyai bahasa pertuturan yang sama di rumah dan di sekolah.

4.2.7 Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Secara keseluruhannya, daripada skor penuh 5, nilai skor min kesesuaian buku teks Tahun 5 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dengan keupayaan murid Tahun 5 berdasarkan persepsi guru adalah 3.89

(tinggi). Ini menunjukkan guru berpandangan bahawa secara umumnya buku teks yang diterbitkan adalah sesuai dengan tahap keupayaan untuk murid Tahun 5.

Walau bagaimanapun, dapatan temu bual menunjukkan penggunaan buku teks adalah kurang sesuai untuk murid yang aras penguasaan kemahiran membacanya adalah rendah kerana murid mengalami kesukaran membaca dan memahami petikan teks yang panjang. Murid tersebut juga mengalami kesukaran memahami dan menghayati serta menghubungkan petikan teks yang berunsurkan fakta seperti pengetahuan semasa, luar negara, sains, sastera mahupun sejarah dengan pengetahuan sedia ada.

Dapatan temu bual mendapati bahawa guru menggunakan bahan sedia ada daripada internet atau menghasilkan sendiri modul dan lembaran kerja yang sesuai dengan aras penguasaan murid. Walau bagaimanapun, kekurangan akses kepada bahan sokongan yang berfokus dan terbeza untuk murid berprestasi rendah menjadi cabaran kepada mereka. Oleh yang demikian, mereka perlu memperuntukkan masa menyediakan bahan yang sesuai dengan aras penguasaan murid tersebut.

4.2.8 Pembangunan Profesionalisme Guru

Bagi faktor pembangunan profesionalisme guru, data sekunder SEA-PLM 2019 telah

dianalisis bagi mengenal pasti latihan yang pernah dihadiri oleh guru Tahun 5 yang mengajar mata pelajaran bahasa Tahun 5 serta keyakinan mereka menggunakan kaedah PdP.

Latihan yang pernah dihadiri oleh guru Tahun 5 yang mengajar mata pelajaran bahasa merangkumi latihan yang pernah dihadiri semasa praperkhidmatan, dalam perkhidmatan dan latihan yang tidak pernah dihadiri semasa praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Dapatan SEA-PLM 2019 menunjukkan bahawa sebanyak 71.2% guru melaporkan tidak pernah menghadiri latihan pendidikan inklusif atau pendidikan khas termasuk keperluan kanak-kanak kurang upaya dan sebanyak 55.9% guru tidak pernah menghadiri latihan pedagogi terbeza. Ini diikuti dengan sebanyak 20.6% guru yang melaporkan tidak pernah menghadiri latihan berkaitan dengan membaca dalam bahasa Melayu/ bahasa Cina/ bahasa Tamil, 19.6% guru tidak pernah menghadiri latihan berkaitan menulis dalam bahasa Melayu/ bahasa Cina/ bahasa Tamil, dan 9.4% yang tidak pernah menghadiri latihan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi. Sebanyak 7.8% guru tidak pernah menghadiri latihan berkaitan pentaksiran murid, sebanyak 6.7% guru tidak pernah menghadiri latihan berkaitan pengurusan bilik

darjah dan sebanyak 3.8% guru tidak pernah menghadiri latihan berkaitan kaedah PdP/ pedagogi (Rajah 8.15).

Bagi keyakinan guru menggunakan pelbagai kaedah PdP pula, nilai skor min keseluruhan adalah 3.12 (tinggi) daripada skor penuh 4. Walau bagaimanapun, nilai skor min untuk keyakinan guru menggunakan kerja penyelidikan adalah 2.74 (sederhana) dan pedagogi terbeza adalah 2.64 (sederhana). Ini bermaksud bahawa walaupun secara keseluruhannya tahap keyakinan guru menggunakan pelbagai kaedah PdP dalam bilik darjah berada pada tahap tinggi, namun, tahap keyakinan guru menggunakan kaedah kerja penyelidikan dan pedagogi terbeza adalah sederhana. Rajah 8.16 memperincikan tahap keyakinan guru menggunakan pelbagai kaedah PdP bagi penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.

Temu bual bersama-sama dengan pentadbir sekolah, SISC+ Bahasa, ketua panitia dan guru mendapati bahawa pembangunan profesionalisme yang dianjurkan oleh pihak sekolah adalah umum, contohnya latihan yang lebih tertumpu kepada teknik menjawab soalan dan kurang memberi fokus kepada bimbingan instruksional.

RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap murid, sokongan ibu bapa/penjaga, pendidikan prasekolah, bahasa pertuturan utama di rumah, aras penguasaan kemahiran membaca murid, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan pengajaran dan pembelajaran; dan pembangunan profesionalisme guru menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.


Berdasarkan dapatan kajian ini, antara cadangan yang boleh dipertimbangkan dalam mengatasi cabaran meningkatkan minat dan kemahiran membaca dalam kalangan murid pada peringkat sekolah rendah adalah seperti berikut:

- i. Memantapkan bimbingan instruksional untuk pedagogi terbeza serta perungkaian dan perangkaian kurikulum bagi guru Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah rendah dengan sokongan SISC+ bahasa dan guru cemerlang bahasa;
- ii. Mempelbagaikan sumber pengajaran dan pembelajaran yang berfokus dan terbeza untuk menyokong murid berprestasi rendah dalam kemahiran membaca;

- iii. Melaksanakan Sistem Set berdasarkan aras penguasaan kemahiran membaca murid seperti yang pernah dilakukan dalam PdP bahasa Inggeris;
- iv. Memantapkan kursus asas pendidikan pemulihan untuk Guru Bahasa Melayu; dan menganjurkan kursus asas pendidikan pemulihan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil peringkat sekolah rendah dengan sokongan dan bimbingan guru cemerlang pemulihan;
- v. Memperkukuh komunikasi berkesan antara guru dengan ibu bapa/penjaga; dan
- vi. Membuat pemetaan kandungan kurikulum kebangsaan dengan kerangka dan skala penguasaan domain membaca SEA-PLM 2019.


Dapatan dan cadangan daripada kajian ini diharap boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak KPM dalam melaksanakan penambahbaikan secara holistik dan berterusan dengan kerjasama semua pihak berkepentingan dalam merangka pendekatan dan strategi mempertingkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.

LATAR BELAKANG




Rajah 8.1: Maklumat latar belakang Kajian Lanjutan SEA-PLM 2019: Faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5.

Pencapaian murid dalam domain bacaan SEA-PLM 2019 berdasarkan latar belakang keluarga dan pemilikan komputer/internet di rumah




Rajah 8.2: Pencapaian Domain Bacaan berdasarkan latar belakang keluarga.



Rajah 8.3: Pencapaian Domain Bacaan berdasarkan pemilikan komputer

Faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5



Murid prasekolah telah menguasai kemahiran asas membaca sebelum memasuki tahun satu, sama ada:

- mengenal huruf,
- membaca suku kata,
- Mengeja, atau
- boleh membaca dengan lancar

Rajah 8.4: Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan penyertaan pada peringkat prasekolah


Murid yang berbeza bahasa pertuturan di rumah & di sekolah menghadapi cabaran kerana:

- bertutur bahasa kedua hanya di sekolah,
- menghadiri prasekolah yang tidak menggunakan bahasa kedua,
- kemahiran awal membaca tidak menggunakan bahasa kedua,
- kurang membaca/bahan bacaan di rumah dalam bahasa kedua.
- mereka ke sekolah hanya untuk menguasai pertuturan dalam bahasa kedua.

Rajah 8.5: Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan bahasa pertuturan di rumah.


Sikap Murid

Sikap murid terhadap sekolah (Persepsi Murid)



Rajah 8.6: Sikap murid terhadap sekolah.

Sikap murid terhadap membaca



Rajah 8.7: Sikap murid terhadap membaca.

Analisis temu bual:

Guru ibu bapa

Murid kurang menguasai kemahiran membaca kerana **kurang minat membaca & kemahiran membaca yang hanya dipupuk di sekolah.**

GPM


Murid memilih bahan bacaan **berdasarkan aras penguasaan mereka.**

SISC+ Bahasa

Murid lebih gemar membaca daripada internet, media sosial & komik kerana **animasi & bunyi, warna serta grafik menarik.**

Walau bagaimanapun, bahan bacaan tersebut kurang membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca kerana penggunaan bahasa pasar, ayat tidak gramatis & teks yang agak pendek.

Faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5



Rajah 8.8:

Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan sikap dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran.

Rajah 8.9: Peratus jumlah buku di rumah

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran



Rajah 8.10: Penguasaan kemahiran membaca berdasarkan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Persepsi guru terhadap kesesuaian buku teks dengan keupayaan murid Tahun 5

Skor min keseluruhan : 3.89 (Tinggi)

	Skor Min
Petikan teks memberi fokus kepada perkembangan kemahiran membaca murid	4.07 (Tinggi)
Petikan teks sesuai dengan penguasaan kemahiran membaca murid	4.03 (Tinggi)
Panjang ayat dalam petikan teks sesuai dengan pemahaman murid	3.91 (Tinggi)
Latihan dalam buku teks sesuai dengan penguasaan kemahiran membaca murid	3.81 (Tinggi)
Murid memerlukan bimbingan guru untuk menyelesaikan latihan dalam buku teks	3.63 (Tinggi)

Analisis temu bual:

Buku teks merupakan bahan utama PdP yang digunakan oleh guru semasa sesi PdP tetapi buku teks dilihat kurang sesuai digunakan untuk murid yang aras penguasaan kemahiran membacanya adalah rendah.

KP
GURU

Selain daripada buku teks, guru menggunakan bahan sokongan yang sesuai dengan aras penguasaan murid, contohnya, mencari bahan daripada internet, menggunakan modul kelas pemulihan serta menghasilkan sendiri modul atau lembaran kerja.

GURU


Kekurangan bahan PdP yang berfokus & terbeza menjadi cabaran kepada guru kerana perlu memperuntukkan masa untuk mencari & menyediakan bahan PdP yang sesuai dengan aras penguasaan murid.

Rajah 8.11: Penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi guru.

Penguasaan Kemahiran Membaca Murid

Persepsi murid terhadap kemahiran membaca

Skor min keseluruhan : 2.82 (Tinggi)



Rajah 8.12: Penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi murid.


Persepsi guru terhadap cabaran penguasaan kemahiran membaca murid tahun 5

Memahami maksud perkataan/ ayat/ teks	88.3%
Menaakul & mentafsir teks/ soalan	64.7%
Kelancaran membaca	55.3%
Mencari maklumat	43.2%
Membuat refleksi	42.9%
Menghubung kait pengetahuan sedia ada	33.5%
Mengenal abjad	22.6%
Intonasi & sebutan	22.2%
Mengenal karakter Mandarin	16.5%
Tidak berminat teks panjang	7.1%
Membatang suku kata	7.1%
Mengeja	6.4%

Rajah 8.13: Cabaran penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 5 berdasarkan persepsi guru.

Isu Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran


Analisis temu bual:



Rajah 8.14: Isu kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Isu Pembangunan Profesionalisme Guru

Latihan yang tidak pernah dihadiri (*Persepsi guru*)



Rajah 8.15: Jenis latihan yang tidak pernah dihadiri oleh guru mengikut persepsi guru

Keyakinan guru menggunakan kaedah PdP (*Persepsi guru*)




Rajah 8.16: kaedah PdP yang diyakini oleh guru mengikut persepsi guru



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS SB-4, BLOK E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.

ISBN 978-983-9522-55-6



9 789839 522556